

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXIII)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH  
YB LIM GUAN ENG**

1. Nyatakan setiap butiran terperinci projek-projek air secara langsung atau tidak langsung bagi Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, khususnya nama kontraktor, sama ada tender terbuka, tarikh mula kerja dan siap serta kos projek dan sumber pembiayaannya.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Butiran terperinci projek-projek air secara langsung atau tidak langsung bagi Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan adalah seperti di **LAMPIRAN A** .

LAMPIRAN A

SENARAI PROJEK PEMBIAYAAN DI BAWAH PERSEKUTUAN TENDER TERBUKA (DALAM PEMBINAAN DAN KAJIAN)					
Bil.	Projek	Kontraktor	Butiran projek	Kos Projek (RM juta)	
1	Pembinaan Tambakan Alur Limpah , Rantau Panjang Sungai Muda	Perbudi Sdn. Bhd. Nilai	Tarikh milik tapak : 27/11/2024 Tarikh siap: 26/11/2027	117,788,098.00	
2	Projek Menaiktaraf dan Pembaikan Empangan Berisiko Tinggi Empangan Air Itam	Golden Sand Venture Sdn. Bhd.	Tarikh milik tapak : 28/4/2025 Tarikh siap: 28/10/2026	7,200,000.00	
3	Kajian Pembangunan Sumber Air Mentah Dari Pembangunan Sungai Kerian Termasuk Kebolehlaksanaan Pembesaran Empangan Bukit Panchor, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	Perunding RPM Engineers Sdn. Bhd.	Tarikh mula : 10 Oktober 2024 Tarikh siap: 10 Oktober 2026	3,000,000.00	
SENARAI PROJEK PEMBIAYAAN DI BAWAH PERSEKUTUAN (BARU)					
1	Pembinaan Rumah Pam Lahar Yooi	NA	baru diluluskan NOC Bawah projek pembesaran Mengkuang	214,000,000.00	
2	Projek Menaik Taraf Muka Sauk Di Titi Kerawang Dan Teluk Awak Serta Pemasangan Paip Air Mentah Dari Muka Sauk Ke Empangan Teluk Bahang Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Pulau Pinang	NA	baru diluluskan di bawah RMK13	26,500,000.00	
3	Kajian Menyeluruh Sumber Bekalan Air Mentah Di Negeri Pulau Pinang	NA	baru diluluskan di bawah RMK13	3,000,000.00	

SENARAI PROJEK PEMBIAYAAN DI BAWAH KERAJAAN NEGERI					
1	Operasi Pembenihan Awan	NADMA	Tarikh (Fasa 1) : 3-4 Mei 2023 Tarikh (Fasa 2) : 11-13 Jun 2023	381,559.35	
SENARAI PROJEK KERAJAAN NEGERI DI BAWAH PEMBIAYAAN PBAPP					
Bil.	Projek	Kontraktor	Butiran projek	Kos Projek (RM juta)	
1	Bukit Panchor DAF (dissolved air flotation) WTP	Inya Water Engineering (M) Sdn Bhd	Tarikh Mula: 8 Disember 2022 Tarikh siap: 6 Disember 2023	18.62	
2	Pakej 12A Unit Proses, LRA Sg Dua	Intan Hectare Sdn Bhd	Tarikh mula : 15 Mac 2022 Tarikh siap: 4 April 2024	30.00	
3	Pembinaan saluran paip baharu sepanjang 13.0km dari LRA Sungai Dua ke Butterworth (Seberang Perai)	-	Fasa 1 : Peringkat Rekabentuk. Fasa 2 – Peringkat Rekabentuk dan Pengambilan Tanah.	286.00	
4	Pembinaan saluran paip baharu sepanjang 3.9km dari Kawasan Macallum ke Kompleks Kolam Air dan Rumah Pam Bukit Dumar (Pulau Pinang)	Fasa 1 : Aktif Unggul Sdn Bhd Fasa 2 : -	Fasa 1 : Tarikh mula : 22 Oktober 2025 Tarikh siap: 21 Oktober 2026 Fasa 2 – Peringkat Rekabentuk dan Pengambilan Tanah.	130.00	

**SENARAI PROJEK KERAJAAN NEGERI DI BAWAH PEMBIAYAAN PBAPP**

Bil.	Projek	Kontraktor	Butiran projek	Kos Projek (RM juta)
5	LRA Mengkuang Park	Asia Baru Construction Sdn Bhd	Tarikh mula : 19 Mei 2025 Tarikh siap: 18 November 2026	249.30
6	LRA Sg Kerian	-	Fasa 1 : Rangkaian Paip Air Terawat – Proses Perlantikan Kontraktor. Fasa 2 – Muka Sauk. Loji Rawatan Air serta Rangkaian Paip Air Mentah - Proses Penyediaan Tender	410.00
7	Skim Bekalan Air Sg Perai	-	Diserahkan kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) untuk rekabentuk dan pembinaan. Dalam peringkat rekabentuk konsep LRA oleh perunding di bawah lantikan PAAB.	-
8	LRA Sg Muda	-	Diserahkan kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) untuk rekabentuk dan pembinaan. Dalam peringkat rekabentuk konsep LRA oleh perunding di bawah lantikan PAAB.	-

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXIII)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH  
YB LIM GUAN ENG**

2. Senaraikan kawasan yang sering menghadapi gangguan bekalan air dan bilangan pengguna yang terbabit.
  - (a) Bilakah masalah ini akan diatasi oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang serta langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya dan kos yang terlibat?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Kawasan yang sering menghadapi gangguan bekalan air adalah beberapa kawasan di penghujung paip agihan dan kawasan tinggi di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) dan Daerah Barat Daya (DBD). Anggaran bilangan pengguna yang terlibat adalah seramai 41,523 orang.
  - (a) Langkah-langkah yang diambil oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) bagi mengatasi kejadian gangguan bekalan air adalah pelaksanaan Pelan Kontingensi Air (Water Contingency Plan, WCP) 2030 melalui tiga (3) fasa. Fasa pertama melibatkan kerja naik taraf dua (2) Loji Rawatan Air (LRA) sedia ada di Seberang Perai yang telah siap dilaksanakan pada tahun 2024. Untuk fasa kedua, empat (4) LRA baharu dan satu (1) LRA kompak akan dibangunkan di Seberang Perai oleh PBAPP dan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Untuk fasa ketiga pula, PBAPP akan memasang dua (2) saluran paip khusus untuk mengepam lebih banyak air terawat terus dari LRA Sungai

Dua ke kawasan pulau. Perinciannya dan kos yang terlibat adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Selain melaksanakan WCP 2030, PBAPP juga kini sedang melaksanakan beberapa projek untuk manfaat Pulau Pinang pada tahun 2025 dan 2026 seperti berikut:

- (i) Dua (2) projek pengalihan paip menyeberangi sungai susulan kejayaan pelaksanaan Projek Paip Menyeberangi Sungai Perai (SP-RCP) pada bulan April 2025;
- (ii) Penaiktarafan Kompleks Kolam Air dan Rumah Pam Bukit Dumar untuk menambah baik bekalan air di DBD;
- (iii) Pembinaan bangunan dos bahan kimia baharu di LRA Sungai Dua; dan
- (iv) Pengurangan air tidak terhasil (non-revenue water, NRW) melalui penggantian meter air, pelaksanaan meter pintar dan penggantian 204.0 kilometer (km) paip air terawat lama dan usang di seluruh negeri.

## PELAKSANAAN PELAN KONTINGENSI AIR (WATER CONTINGENCY PLAN, WCP) 2030

BIL.	PROJEK	KOS (RM JUTA)	TAHUN JANGKA SIAP	STATUS
1	Modul Rawatan <i>Dissolved Air Flotation</i> (DAF) LRA Bukit Panchor	18.6	-	Siap pada tahun 2024.
2	Pakej 12A LRA Sungai Dua	30.0	-	Siap pada tahun 2024.
3	LRA Mengkuang Park	249.3	2026	Peringkat pembinaan.
4	LRA Sungai Kerian (114 juta liter/hari, JLH)	410.0	2030	Fasa 1 (Rangkaian paip air terawat): Pelantikan kontraktor.  Fasa 2 (Muka sauk LRA serta rangkaian paip air mentah): Penyediaan tender.
5	Skim Bekalan Air Sungai Perai	-	2030	Diserahkan kepada PAAB untuk reka bentuk dan pembinaan.
6	Skim Bekalan Air Sungai Muda	-	2030	Dalam peringkat reka bentuk konsep LRA oleh perunding lantikan PAAB.
7	LRA Kompak Sungai Kerian (50 JLH)	Pembiayaan secara swasta	2027	Peringkat permintaan untuk cadangan (RFP).

LAMPIRAN A

BIL.	PROJEK	KOS (RM JUTA)	TAHUN JANGKA SIAP	STATUS
8	Pemasangan Paip 1800 milimeter (mm) dari LRA Sungai Dua ke Butterworth	286.0	2027	Fasa 1: Peringkat reka bentuk. Fasa 2: Peringkat reka bentuk dan pengambilan tanah.
9	Pemasangan Paip 1800mm dari Macallum ke Bukit Dumbar.	130.0	2027	Fasa 1: Peringkat pembinaan. Fasa 2: Peringkat reka bentuk dan pengambilan tanah.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXIII)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH  
YB LIM GUAN ENG**

3. Nyatakan prestasi kewangan Silver Jubilee Home for the Aged.
- (a) Nyatakan jumlah derma diterima, kos perbelanjaan, deposit tetap dan simpanan dalam akaun bank setiap tahun sejak 2018.
  - (b) Apakah usaha akan diambil untuk memperbaiki kedudukan kewangan?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

3. (a) Semua jumlah yang berkaitan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Prestasi kewangan Silver Jubilee Home for the Aged "**SJH**" mencatatkan kemerosotan 4 tahun berturut-turut sejak bermulanya pandemik Covid-19 dalam tahun 2020. Pengurangan dalam jumlah derma yang diterima untuk tempoh bermula 2020 sehingga 2023 telah mengakibatkan defisit kewangan sebanyak RM884,908 "**Defisit Kewangan tersebut**".

Menyedari situasi kewangan SJH yang mencabar, ahli-ahli Jawatankuasa Am SJH (General Committee) "GC" yang telah dilantik dalam bulan Januari 2024 dengan kerjasama Lembaga Pemegang-pemegang Amanah Penang and Province Wellesley Silver Jubilee Fund telah berusaha dan masih bergiat aktif menggunakan beberapa inisiatif untuk membaik-pulih kewangan SJH, antara lain, seperti berikut:

- (i) Menganjurkan pelbagai program pengumpulan dana. Program khas GC dalam tahun 2024 telah berjaya mengumpulkan dana sebanyak RM1.06 juta manakala program GC dalam tahun 2025 diharap dapat juga mencapai jumlah yang memberangsangkan;
- (ii) Pengurusan penempatan dana *fund placement* yang lebih efektif untuk meningkatkan jumlah faedah yang diterima menerusi Deposit Tetap dan Sekuriti Kerajaan Malaysia;
- (iii) Memastikan penggunaan modal kerja *working capital* yang munasabah dan mengoptimumkan simpanan dalam Deposit Tetap dan Sekuriti Kerajaan Malaysia;
- (iv) Meningkatkan hasil sewa melalui rundingan semula dengan penyewa-penyewa;
- (v) Memantau dan seterusnya menggantikan perbelanjaan harian SJH sebaik mungkin dengan program sumbangan barangan keperluan daripada pihak awam merangkumi bahan makanan dan bukan makanan. Program kemasyarakatan sebegini melibatkan penduduk setempat serta pihak korporat dalam aktiviti-aktiviti seperti sumbangan makanan (sarapan pagi, makan tengahari dan makan malam), kerja-kerja pembersihan kawasan premis SJH serta sumbangan tunai; dan
- (vi) Penerimaan sumbangan panel solar dimana penggunaan elektrik telah mencatatkan penurunan bil bulanan sebanyak RM5,000.

Berdasarkan langkah-langkah yang dinyatakan dan dengan mengambil kira kenaikan kos perbelanjaan SJH akibat inflasi, Defisit Kewangan tersebut telah berjaya ditampung dan GC dijangka akan juga mencatatkan lebihan untuk tahun 2025.

LAMPIRAN A

Perkara / Tahun	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024
Sumbangan Diterima (RM)	1,779,052	1,847,741	1,358,435	1,658,685	1,665,258	1,736,160	2,031,168
Hasil Diterima (termasuk faedah, sewa dll) (RM)	933,624	1,087,461	745,861	550,611	793,742	824,651	1,178,915
Perbelanjaan Dibayar (RM)	2,847,839	2,497,654	2,669,951	2,250,092	2,571,767	2,726,501	2,709,036
<b>JUMLAH (RM)</b>	<b>(135,163)</b>	<b>437,548</b>	<b>(565,655)</b>	<b>(40,796)</b>	<b>(112,767)</b>	<b>(165,690)</b>	<b>501,047</b>
Deposit Tetap & Sekuriti Kerajaan Malaysia (bon) (RM)	16,560,000	17,060,000	17,610,000	18,110,000	18,560,000	13,460,000	18,310,000
Baki simpanan bank & pegangan tunai (RM)	470,644	926,584	771,788	975,174	940,173	5,269,554	1,827,317
<b>JUMLAH (RM)</b>	<b>17,030,644</b>	<b>17,986,584</b>	<b>18,381,788</b>	<b>19,085,174</b>	<b>19,500,173</b>	<b>18,729,554</b>	<b>20,137,317</b>

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXIII)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH  
YB LIM GUAN ENG**

4. Senaraikan setiap tahun sejak 2018 keseluruhan anggota ahli lembaga pengarah dan pengurusan *Silver Jubilee Home For The Aged* dan elaun yang dibayar.
  - (a) Adakah amalan tidak membayar elaun sebelum ini akan diteruskan untuk sebuah pertubuhan amal milik Kerajaan Negeri?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

4. Senarai keanggotaan Lembaga Pemegang-Pemegang Amanah Penang and Province Wellesley Silver Jubilee Fund (Lembaga) serta ahli-ahli Jawatankuasa Am Silver Jubilee Home For The Aged (Jawatankuasa Am) mengikut tahun adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Kesemua ahli Lembaga dan Jawatankuasa Am tidak dibayar sebarang elaun.
  - (a) Amalan untuk tidak membayar elaun kepada ahli Lembaga dan Jawatankuasa Am sememangnya akan diteruskan kerana keahlian dalam Lembaga (kecuali Ketua Menteri Pulau Pinang) dan Jawatankuasa Am adalah bersifat sukarela dan merupakan kesedaran kolektif individu-individu terbabit untuk memastikan Silver Jubilee Home For The Aged kekal sebagai rumah penjagaan orang tua untuk golongan yang tidak berkemampuan.

LAMPIRAN A

SENARAI KEAHLIAN LEMBAGA PEMEGANG-PEMEGANG AMANAH  
PENANG AND PROVINCE WELLESLEY SILVER JUBILEE FUND

TAHUN	2018	2019 & 2020	2021 & 2022	2023	2024 & 2025
Pengerusi	Tuan Chow Kon Yeow (YAB Ketua Menteri)	Tuan Chow Kon Yeow (YAB Ketua Menteri)	Tuan Chow Kon Yeow (YAB Ketua Menteri)	Tuan Chow Kon Yeow (YAB Ketua Menteri)	Tuan Chow Kon Yeow (YAB Ketua Menteri)
Ahli	Tan Sri Dato' Seri Tan Kok Ping	Tan Sri Dato' Seri Tan Kok Ping	Tan Sri Dato' Seri Tan Kok Ping	Tan Sri Dato' Seri Tan Kok Ping (perletakan jawatan berkuatkuasa dari 2.12.2023)	Dato' Seri Chong Eng (berkuatkuasa mulai 7.12.2023)
Ahli	Dato' Seri Goh Eng Toon	Encik Bernard Kok Yin Fook	Dato Loh Yeow Boo	Dato Loh Yeow Boo (perletakan jawatan berkuatkuasa dari 1.1.2024)	Tuan Sim Tze Tzin (berkuatkuasa mulai 7.12.2023)

TAHUN	2018	2019 & 2020	2021 & 2022	2023	2024 & 2025
Ahli	Encik Bernard Kok Yin Fook	-	Encik Bernard Kok Yin Fook	Encik Bernard Kok Yin Fook (perletakan jawatan berkuatkuasa dari 1.1.2023)	Tuan A. Kumaresan (berkuatkuasa mulai 1.1.2024)

#### SENARAI KEAHLIAN JAWATANKUASA AM SILVER JUBILEE HOME FOR THE AGED

2018	2019	2020 & 2021	2022 & 2023	2024 & 2025
En. Saw Soon Kooi (Pengerusi)	En. Loh Yeow Boo (Pengerusi)	En. Loh Yeow Boo (Pengerusi)	Dato' Loh Yeow Boo (Pengerusi)	Dato' Seri Chong Eng (Pengerusi)
En. Ong Jin Sin (Bendahari)	En. Ong Jin Sin (Bendahari)	En. Ong Jin Sin (Bendahari)	En. Ong Jin Sin (Bendahari)	Dato' Ooi Hooi Kiang (Bendahari)
Dato' Ewe Swee Kheng	Dato' Ewe Swee Kheng	Dato' Ewe Swee Kheng	Dato' Dr. Yasmin Binti Sulaiman	Dato' Seri Jerry Chan Fook Sing
Dato' Dr. Yasmin Binti Sulaiman	Dato' Dr. Yasmin Binti Sulaiman	Dato' Dr. Yasmin Binti Sulaiman	Pn. Nirmala Devi	Dato' Brian Tan Guan Hooi

2018	2019	2020 & 2021	2022 & 2023	2024 & 2025
Pn. Nirmala Devi	Pn. Nirmala Devi	Pn. Nirmala Devi	Dato' Chew Khoon Aik	Dato' Nirmala Devi
Dato' Chew Khoon Aik	Dato' Chew Khoon Aik	Dato' Chew Khoon Aik	Pn. Sharon Lee Yuit Chun	Dato' Steven Ooi Siew Seong

2018	2019	2020 & 2021	2022 & 2023	2024 & 2025
Pn. Khaw Lay Im	Pn. Khaw Lay Im	Pn. Sharon Lee Yuit Chun	Cik Tina Loh (untuk tahun 2022 sahaja)	Dato' Lim Choo Hooi
En. Loh Yeow Boo	Pn. Sharon Lee Yuit Chun	Cik Tina Loh	En. Cheong Ka Wang	Dr. Doreen Yeap Gim Ean
Cik Tina Loh	Cik Tina Loh	En. Cheong Ka Wang	Datin Seri Laura Chin	Cik Tan Sim Bee
Pn. Grace Ang Poh	Pn. Grace Ang Poh	Datin Seri Laura Chin	-	En. Jimmy Lim Eng Leong
2018	2019	2020 & 2021	2022 & 2023	2024 & 2025
-	-	-	-	Dr. Nik Norliati Fitri Md Nor

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXIII)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH  
YB LIM GUAN ENG**

5. Nyatakan jumlah penghuni dan anggota pekerja dalam Silver Jubilee Home setiap tahun sejak 2018.
- (a) Apakah perbezaan di antara pengurusan lama dan baru dalam aspek kewangan, jumlah derma diterima dan juga mutu penjagaan ke atas para penghuni?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

5. Jumlah penghuni dan anggota pekerja dalam *Silver Jubilee Home For The Age* (SJH) adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Prestasi Kewangan SJH

Kemerosotan prestasi kewangan SJH akibat penurunan jumlah derma yang diterima untuk empat tahun berturut-turut sejak bermulanya pandemik COVID-19 dalam tahun 2020 telah mengakibatkan defisit kewangan sebanyak RM884,908 ("Defisit Kewangan tersebut").

Menyedari situasi kewangan SJH yang mencabar, ahli-ahli Jawatankuasa Am SJH *General Committee* (GC) yang telah dilantik dalam bulan Januari 2024 dengan kerjasama Lembaga Pemegang-pemegang Amanah Penang and *Province Wellesley Silver Jubilee Fund* telah berusaha dan masih bergiat aktif menggunakan beberapa inisiatif untuk membaik-pulih kewangan SJH, antara lain, seperti berikut –

- (i) Mengajukan pelbagai program pengumpulan dana. Program khas GC dalam tahun 2024 telah berjaya mengumpulkan dana sebanyak RM1.06 juta manakala program GC dalam tahun 2025 diharap dapat juga mencapai jumlah yang memberangsangkan;
- (ii) Pengurusan penempatan dana (fund placement) yang lebih efektif untuk meningkatkan jumlah faedah yang diterima menerusi Deposit Tetap dan Sekuriti Kerajaan Malaysia;
- (iii) Memastikan penggunaan modal kerja (working capital) yang munasabah dan mengoptimumkan simpanan dalam Deposit Tetap dan Sekuriti Kerajaan Malaysia;
- (iv) Meningkatkan hasil sewa melalui rundingan semula dengan penyewa-penyewa;
- (v) Memantau dan seterusnya menggantikan perbelanjaan harian SJH sebaik mungkin dengan program sumbangan barangan keperluan daripada pihak awam merangkumi bahan makanan dan bukan makanan. Program kemasyarakatan sebegini melibatkan penduduk setempat serta pihak korporat dalam aktiviti-aktiviti seperti sumbangan makanan (sarapan pagi, makan tengahari dan makan malam), kerja-kerja pembersihan kawasan premis SJH serta sumbangan tunai; dan
- (vi) Penerimaan sumbangan panel solar dimana penggunaan elektrik telah mencatatkan penurunan bil bulanan sebanyak RM5,000.

Berdasarkan langkah-langkah yang dinyatakan dan dengan mengambil kira kenaikan kos perbelanjaan SJH akibat inflasi, Defisit Kewangan tersebut telah berjaya ditampung dan GC dijangka akan juga mencatatkan lebihan untuk tahun 2025.

(a) **Mutu Penjagaan**

Penjagaan penghuni SJH secara amnya adalah berdasarkan garis panduan yang diperuntukkan oleh statut undang-undang sedia ada yakni Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506). Justeru itu, SJH akan menerima lawatan pemeriksaan dari masa ke semasa oleh pegawai-pegawai kebajikan untuk memastikan pematuhan penjagaan dan keselamatan penghuni SJH.

Penghuni SJH digalakkan, sekiranya berkeupayaan, untuk membantu menjalankan kerja-kerja ringan di premis seperti menyapu lantai, mencuci bilik air, mengawal pagar masuk, melipat baju, membersihkan pinggan mangkuk yang digunakan dan menjaga kebersihan unit masing-masing. Ini adalah selaras dengan Peraturan 21(6) yang diluluskan oleh GC terdahulu yang bertujuan untuk membenarkan penghuni SJH yang berkeupayaan untuk membantu dalam pengurusan harian SJH.

GC sedia ada turut bekerjasama dengan masyarakat setempat dalam menjalankan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan termasuk tetapi tidak terhad kepada aktiviti hiburan, aktiviti kognitif, pemeriksaan Kesihatan, senaman mobiliti dan jemputan majlis. Untuk kemudahan penghuni SJH, pengangkutan akan diatur untuk menghantar penghuni ke Hospital Kerajaan dan Klinik Kesihatan yang berdekatan untuk setiap temu-janji perubatan.

Walaupun ramai daripada ahli GC mempunyai tanggungjawab profesional masing-masing, ahli-ahli GC akan menyumbangkan masa dan tenaga untuk membantu kakitangan SJH dalam memastikan kebajikan penghuni terpelihara. Ahli-ahli GC dibahagikan mengikut jawatankuasa-jawatankuasa kecil untuk pemantauan yang teliti terhadap aspek-aspek operasi SJH yang berbeza.

**LAMPIRAN A**

**JUMLAH PENGHUNI DAN ANGGOTA PEKERJA DALAM SILVER JUBILEE HOME FOR THE AGED**

<b>TAHUN</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>	<b>2020</b>	<b>2021</b>	<b>2022</b>	<b>2023</b>	<b>2024</b>
<b>Penghuni</b>	151	168	155	142	137	138	123
<b>Pekerja</b>	43	39	45	43	41	39	39

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXIII)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH  
YB LIM GUAN ENG**

6. Nyatakan apakah cadangan pembangunan di sekitar Pusat Transformasi Bandar (UTC) Bagan di Penang Sentral yang baru dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri agar dapat memangkin pertumbuhan ke tahap yang lebih tinggi dalam kawasan tersebut?

**YB H'NG MOOI LYE**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Berdasarkan kelulusan Pelan Induk Perancangan Pembangunan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) Tahun 2021-2030, terdapat satu (1) projek Pembangunan Rumah Mutiaraku (RMKu) yang telah diluluskan untuk dilaksanakan di bawah *Rolling Plan 4* (RP4) Tahun 2024. Projek pembangunan ini adalah dicadangkan untuk dibangunkan di atas Lot 20087 dan sebahagian Tanah Kerajaan bersebelahan Lot 20087, Seksyen 4, Butterworth, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang dengan anggaran keluasan tapak seluas 15.28 ekar. Lokasi tapak projek ini berada di dalam radius 1 kilometer dari lokasi Pusat Transformasi Bandar (UTC) Bagan di Penang Sentral. Permohonan pembangunan RMKu ini telah pun diluluskan oleh pihak MBSP pada tahun 2024. Namun, terdapat penempatan dan struktur tidak sah di atas sebahagian besar tapak ini yang melibatkan anggaran seramai 340 keluarga dan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI).

Walau bagaimanapun, pihak LPNPP telah selesai melaksanakan proses pelantikan perunding bagi pengurusan projek ini dan kini sedang dalam fasa pelantikan pemaju. Pembangunan ini akan melibatkan beberapa fasa pembangunan di mana Fasa 1 akan

dibangunkan komponen unit gentian terlebih dahulu. Projek ini juga akan dilaksanakan secara Tender Terbuka melalui kaedah Panggilan untuk Mengemukakan Cadangan (*Request for Proposal* – RFP).

Pembangunan skim perumahan ini dijangka akan memberikan impak positif terhadap pembangunan kawasan tersebut. Kehadiran penduduk baharu akan merancakkan lagi aktiviti perniagaan setempat serta meningkatkan kadar penggunaan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan di UTC. Secara tidak langsung, perkembangan ini dapat memperkukuh fungsi UTC sebagai pusat sehati bagi penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada masyarakat setempat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXIII)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH  
YB LIM GUAN ENG**

7. Nyatakan sebab jumlah peruntukan Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) untuk kawasan Seberang Perai telah menurun bila keadaan jalan yang mundur perlukan ia ditambah dan nyatakan pengasingan dengan kawasan Pulau dan bagaimana ia dibelanjakan setiap tahun sejak 2018?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

7. Secara amnya, peruntukan MARRIS bagi kawasan Seberang Perai tidak pernah menurun sejak tahun 2018. Agihan peruntukan dilaksanakan secara berfasa mengikut suku tahunan dan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa MARRIS Negeri. Rekod peruntukan serta perbelanjaan tahunan yang disalurkan kepada 14 agensi/jabatan pelaksana adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

LAMPIRAN A

AGIHAN MARRIS BAGI TAHUN 2018 SEHINGGA DAN 2025 KEPADA  
JABATAN/AGENSI PELAKSANA

TAHUN		2018	
BJL.	JABATAN/ AGENSI	JUMLAH AGIHAN YANG DIPERUNTUK (TERMASUK PERMOHONAN TAMBAHAN)	JUMLAH PERBELANJAAN SEBENAR
		RM	RM
1	JKR HQ	69,456,140.50	57,985,908.83
2	JKR DTL		
3	JKR DBD		
4	JKR SPU		
5	JKR SPT		
6	JKR SPS		
7	PDT DTL	6,603,941.77	9,382,473.80
8	PDT DBD		
9	PDT SPU		
10	PDT SPS		
11	PDT SPT		
12	JPS	5,813,994.12	5,794,065.42
13	MBPP	23,057,532.70	14,953,962.73
14	MBSP	58,820,470.88	49,615,166.61
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>163,752,079.97</b>	<b>137,731,577.39</b>

TAHUN		2019	
BIL.	JABATAN/ AGENSI	JUMLAH AGIHAN YANG DIPERUNTUK (TERMASUK PERMOHONAN TAMBAHAN)	JUMLAH PERBELANJAAN SEBENAR
		RM	RM
1	JKR HQ	66,687,150.19	57,985,908.83
2	JKR DTL		
3	JKR DBD		
4	JKR SPU		
5	JKR SPT		
6	JKR SPS		
7	PDT DTL	10,055,399.58	9,382,473.80
8	PDT DBD		
9	PDT SPU		
10	PDT SPS		
11	PDT SPT		
12	JPS	5,493,928.70	5,474,000.00
13	MBPP	38,103,569.97	28,250,619.38
14	MBSP	56,830,304.27	56,767,893.29
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>177,170,352.71</b>	<b>157,860,895.30</b>

TAHUN		2020		
BIL.	JABATAN/ AGENSI	JUMLAH AGIHAN YANG DILULUSKAN SECARA <i>FORWARD</i> <i>COMMITMENT</i> OLEH JK MARRIS	JUMLAH AGIHAN YANG DIPERUNTUK (TERMASUK PERMOHONAN TAMBAHAN)	JUMLAH PERBELANJAAN SEBENAR
		RM	RM	RM
1	JKR HQ	1,868,263.06	1,868,263.06	1,866,547.97
2	JKR DTL	14,485,201.24	14,485,201.24	14,476,350.68
3	JKR DBD	15,746,743.27	15,746,743.27	14,895,371.03
4	JKR SPU	10,037,516.25	10,347,516.25	10,083,060.11
5	JKR SPT	20,384,943.82	20,705,943.82	19,340,305.41
6	JKR SPS	12,126,768.88	12,126,768.94	12,126,742.46
7	PDT DTL	237,030.42	237,030.42	236,706.20
8	PDT DBD	643,028.82	643,028.82	628,195.50
9	PDT SPU	777,561.25	777,561.25	777,561.25
10	PDT SPS	681,742.12	681,742.12	681,245.00
11	PDT SPT	4,362,550.00	4,362,550.00	4,240,659.48
12	JPS	6,598,171.95	6,425,347.95	6,406,103.42
13	MBPP	29,800,000.00	39,652,950.59	36,429,614.40
14	MBSP	70,000,000.00	70,062,410.98	70,057,972.88
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>187,749,521.08</b>	<b>198,123,058.71</b>	<b>192,246,435.79</b>

TAHUN		2021		
BIL.	JABATAN/ AGENSI	JUMLAH AGIHAN YANG DILULUSKAN SECARA <i>FORWARD</i> <i>COMMITMENT</i> OLEH J/K MARRIS	JUMLAH AGIHAN YANG DIPERUNTUK (TERMASUK PERMOHONAN TAMBAHAN)	JUMLAH PERBELANJAAN SEBENAR
		RM	RM	RM
1	JKR HQ	2,431,950.00	6,233,665.09	6,198,617.13
2	JKR DTL	4,617,700.65	15,563,639.02	15,412,224.56
3	JKR DBD	9,340,000.00	10,980,143.91	10,760,256.22
4	JKR SPU	8,239,346.00	8,634,802.14	8,273,581.84
5	JKR SPT	9,835,000.00	16,195,008.39	14,842,167.65
6	JKR SPS	9,530,000.00	9,661,183.10	9,522,427.87
7	PDT DTL	194,000.00	194,324.22	192,350.54
8	PDT DBD	482,000.00	489,530.00	448,699.85
9	PDT SPU	947,853.30	947,853.30	916,521.30
10	PDT SPS	593,110.00	593,607.12	593,593.00
11	PDT SPT	2,585,000.00	2,714,967.61	2,577,162.50
12	JPS	8,830,963.30	8,606,244.53	8,606,244.10
13	MBPP	37,016,320.90	40,239,657.09	33,728,265.12
14	MBSP	50,000,000.00	80,004,438.10	75,629,455.25
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>144,643,244.15</b>	<b>201,059,063.62</b>	<b>187,701,566.93</b>

TAHUN		2022		
BIL.	JABATAN/ AGENSI	JUMLAH AGIHAN YANG DILULUSKAN SECARA <i>FORWARD</i> <i>COMMITMENT</i> OLEH J/K MARRIS	JUMLAH AGIHAN YANG DIPERUNTUK (TERMASUK PERMOHONAN TAMBAHAN)	JUMLAH PERBELANJAAN SEBENAR
		RM	RM	RM
1	JKR HQ	2,960,000.00	3,404,703.66	3,033,004.77
2	JKR DTL	7,900,000.00	16,528,014.46	16,398,589.25
3	JKR DBD	6,580,000.00	14,282,007.89	14,277,914.49
4	JKR SPU	4,995,000.00	11,271,220.30	11,271,797.78
5	JKR SPT	7,250,000.00	16,535,607.99	15,584,704.66
6	JKR SPS	4,687,500.00	16,535,607.99	10,138,945.11
7	PDT DTL	323,000.00	324,973.68	287,716.69
8	PDT DBD	1,301,000.00	1,349,859.87	1,282,492.82
9	PDT SPU	2,790,597.00	3,464,899.01	3,435,014.50
10	PDT SPS	1,000,000.00	1,109,822.96	1,098,987.02
11	PDT SPT	1,050,000.00	1,257,218.26	1,257,218.00
12	JPS	11,750,000.00	11,750,000.43	11,749,979.08
13	MBPP	10,000,000.00	37,111,391.97	34,366,929.89
14	MBSP	20,000,000.00	84,374,982.85	84,357,698.02
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>82,587,097.00</b>	<b>219,300,311.32</b>	<b>208,540,992.08</b>

TAHUN		2023		
BIL.	JABATAN/ AGENSI	JUMLAH AGIHAN YANG DILULUSKAN SECARA <i>FORWARD</i> <i>COMMITMENT</i> OLEH J/K MARRIS	JUMLAH AGIHAN YANG DIPERUNTUK (TERMASUK PERMOHONAN TAMBAHAN)	JUMLAH PERBELANJAAN SEBENAR
		RM	RM	RM
1	JKR HQ		2,623,098.89	2,172,061.24
2	JKR DTL	15,944,000.00	18,589,721.93	18,589,096.10
3	JKR DBD	18,344,000.00	17,773,096.06	17,666,947.42
4	JKR SPU	11,794,000.00	13,763,533.66	13,363,505.78
5	JKR SPT	18,344,000.00	21,085,410.13	20,782,651.99
6	JKR SPS	10,444,000.00	11,410,802.70	11,155,911.97
7	PDT DTL	350,000.00	387,256.99	271,737.83
8	PDT DBD	518,000.00	857,908.88	811,901.37
9	PDT SPU	4,113,000.00	4,177,231.51	4,168,571.93
10	PDT SPS	942,000.00	991,118.54	978,372.10
11	PDT SPT	4,214,000.00	5,256,313.62	5,256,129.50
12	JPS	15,240,000.00	15,240,021.35	15,238,921.30
13	MBPP	37,280,000.00	40,334,078.64	39,814,073.92
14	MBSP	128,900,000.00	115,017,284.83	114,238,998.94
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>266,427,000.00</b>	<b>267,506,877.73</b>	<b>264,508,881.39</b>

TAHUN		2024		
BIL.	JABATAN/ AGENS)	JUMLAH AGIHAN YANG DILULUSKAN SECARA <i>FORWARD</i> <i>COMMITMENT</i> OLEH J/K MARRIS	JUMLAH AGIHAN YANG DIPERUNTUK (TERMASUK PERMOHONAN TAMBAHAN)	JUMLAH PERBELANJAAN SEBENAR
		RM	RM	RM
1	JKR HQ	710,090.40	800,028.05	488,716.74
2	JKR DTL	14,745,578.78	14,695,326.17	13,955,504.37
3	JKR DBD	16,925,100.00	17,159,057.12	17,122,904.63
4	JKR SPU	7,213,920.00	7,408,458.39	7,311,686.40
5	JKR SPT	14,067,300.00	14,620,838.12	14,145,573.35
6	JKR SPS	8,421,300.00	8,788,091.76	8,586,803.87
7	PDT DTL	220,200.00	482,519.16	474,133.78
8	PDT DBD	802,620.00	802,762.05	802,564.40
9	PDT SPU	4,061,514.00	4,061,520.00	3,443,751.08
10	PDT SPS	630,000.00	504,000.00	412,672.80
11	PDT SPT	1,376,400.00	1,376,900.00	1,085,000.00
12	JPS	8,490,000.00	5,095,100.05	5,094,560.05
13	MBPP	32,035,231.80	36,680,236.52	34,916,620.34
14	MBSP	130,927,200.00	136,705,485.89	136,670,023.99
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>240,626,454.98</b>	<b>249,180,323.28</b>	<b>244,510,515.80</b>

TAHUN		2025		
BIL.	JABATAN/ AGENSI	JUMLAH AGIHAN YANG DILULUSKAN SECARA <i>FORWARD</i> <i>COMMITMENT</i> OLEH JK MARRIS	JUMLAH AGIHAN YANG DIPERUNTUK (TERMASUK PERMOHONAN TAMBAHAN) SEHINGGA OKT 2025	JUMLAH PERBELANJAAN SEBENAR (SEHINGGA SEPT 2025)
		RM	RM	RM
1	JKR HQ	2,000,000.00	1,360,311.31	42,451.31
2	JKR DTL	10,440,000.00	10,552,100.48	1,996,058.84
3	JKR DBD	21,546,000.00	21,650,628.21	13,053,918.10
4	JKR SPU	10,320,000.00	10,469,131.82	2,586,153.96
5	JKR SPT	13,680,000.00	13,858,487.14	4,086,746.59
6	JKR SPS	11,307,000.00	11,439,065.26	4,574,707.50
7	PDT DTL	561,000.00	569,385.38	181,000.00
8	PDT DBD	1,279,500.00	1,772,103.60	1,260,500.00
9	PDT SPU	3,502,589.10	4,141,096.17	3,848,299.12
10	PDT SPS	828,480.00	1,278,007.20	912,735.00
11	PDT SPT	3,954,000.00	4,245,909.13	3,431,123.00
12	JPS	8,994,000.00	8,994,540.00	8,073,544.00
13	MBPP	37,263,157.23	39,026,773.41	16,222,289.59
14	MBSP	91,200,000.00	89,168,795.22	20,822,961.38
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>216,875,726.33</b>	<b>218,526,334.33</b>	<b>81,092,488.39</b>

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXIII)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH  
YB LIM GUAN ENG**

8. Nyatakan sebab tidak ada ruang sub-stesen TNB dan bagaimana kos tinggi ini akan diatasi bagi memudahkan pembangunan kawasan RIBI Ampang Jajar dalam kawasan Parlimen Bagan?
  - (a) Apakah langkah untuk mengatasi ketiadaan tapak letak kenderaan agar tidak mencetuskan kesesakan trafik yang teruk?

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Kerajaan Negeri telah menyediakan tapak bagi membangunkan sub-stesen bekalan elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) di tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Ampang Jajar. Seterusnya, Unit Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) akan merancang dan mengambil tindakan untuk pelaksanaan lanjut bagi memastikan bekalan elektrik dapat disalurkan dengan lebih teratur kepada setiap tapak RIBI.
  - (a) Tujuh (7) Persatuan RIBI telah menolak plot tanah yang ditawarkan. Oleh itu, pihak Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk menukar guna plot tersebut untuk dijadikan sebagai kawasan tempat letak kereta bagi kemudahan pengunjung ke kawasan pusat RIBI tersebut. Penyediaan kemudahan kawasan tempat letak kereta ini dalam peringkat perancangan dan dijadualkan untuk dilaksanakan secara berfasa bermula tahun 2026, tertakluk kepada ketersediaan peruntukan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXIII)9**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH  
YB LIM GUAN ENG**

9. Nyatakan jumlah peruntukan Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) setiap tahun sejak 2018 kepada setiap 40 buah KADUN.
- (a) Bolehkah peruntukan ditambah untuk KADUN Air Putih, Bagan Jermal, Sungai Puyu dan Bagan Dalam?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

9. Jumlah peruntukan MARRIS dari 2018 hingga Oktober 2025 kepada 40 buah KADUN adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Kerajaan Negeri perlu mengambil kira purata terimaan tahunan daripada Kementerian Kewangan (MOF) serta keperluan 14 agensi pelaksana lain yang turut menggunakan peruntukan di bawah peruntukan MARRIS. Sehubungan dengan itu, agihan dibuat secara praktikal berdasarkan keperluan semasa dan tahap keutamaan kerja-kerja penyelenggaraan di setiap daerah. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan tambahan khususnya bagi kerja-kerja kecemasan, keutamaan akan diberikan dalam agihan peruntukan tambahan tertakluk kepada baki sedia ada.

## AGIHAN PERUNTUKAN MARRIS DARI 2018 HINGGA OKTOBER 2025 KEPADA 40 BUAH KADUN

BIL	KADUN	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024	2025	JUMLAH	
		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
1.	TG. BUNGA	2,868,430.46	6,081,968.09	5,263,401.18	3,478,119.12	6,613,480.43	4,098,844.01	4,698,097.21	2,692,556.46	35,794,896.96	
2.	DTK. KERAMAT	1,301,850.89	648,761.59	439,443.61	1,592,272.91	1,057,741.36	2,594,345.98	1,335,600.96	976,467.03	9,946,484.33	
3.	AIR PUTIH	388,906.07	1,451,652.74	2,022,451.22	970,981.59	494,024.95	989,179.49	2,692,273.33	898,298.85	9,907,768.24	
4.	BT. UBAN	3,465,392.07	6,690,219.39	7,319,962.28	6,468,140.35	8,594,585.07	9,398,087.42	10,832,993.18	9,737,340.18	62,506,719.94	
5.	PAYA TERUBONG	1,168,345.34	3,997,342.96	3,803,012.24	3,969,685.74	3,562,443.42	4,622,015.55	3,533,689.22	3,434,388.61	28,090,923.08	
6.	AIR ITAM	2,099,670.85	2,230,593.62	1,326,790.85	2,697,525.68	2,564,524.47	4,190,316.96	2,517,510.11	1,167,733.35	18,794,665.89	
7.	KEBUN BUNGA	218,874.96	1,982,398.04	1,699,923.23	942,948.42	1,952,866.45	2,227,845.25	1,103,648.53	1,343,619.92	11,472,124.80	
8.	KOMTAR	1,704,237.58	1,863,223.45	1,873,492.02	762,230.09	1,331,099.34	2,434,994.35	1,988,805.31	1,808,853.35	13,766,935.49	
9.	PGKLN. KOTA	1,217,077.03	708,530.94	250,093.36	857,339.28	924,841.09	643,415.43	1,566,162.74	1,484,207.25	7,651,667.12	
10.	SG. PINANG	700,962.00	915,522.48	1,426,962.01	956,438.86	1,100,438.02	1,352,943.05	707,031.70	533,147.61	7,693,445.73	
11.	BT. LANCHANG	1,356,745.82	1,153,015.50	1,516,855.30	1,651,059.90	1,900,829.17	3,208,591.79	1,864,998.94	758,350.37	13,410,446.79	
12.	SERI DELIMA	3,989,115.19	2,931,092.63	2,653,429.81	2,844,961.40	5,064,779.99	3,723,964.19	2,234,920.60	1,952,564.05	25,394,827.86	
13.	PULAU TIKUS	2,108,160.69	2,208,768.10	1,503,302.35	3,022,807.87	1,421,944.72	1,413,657.64	2,498,862.42	1,435,932.44	15,613,436.23	
14.	PDG. KOTA	524,596.95	527,788.75	639,681.79	1,425,706.53	521,046.29	769,723.09	831,269.82	561,667.90	5,801,481.12	

BIL	KADUN	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024	2025	JUMLAH
		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
15.	PANTAI JEREJAK	1,792,592.68	3,071,786.41	5,003,543.12	5,024,076.89	6,003,938.60	3,721,478.38	4,270,742.36	4,400,722.95	33,288,881.39
16.	BT. MAUNG	731,661.26	2,220,888.14	2,096,477.43	1,824,396.37	2,150,036.27	3,334,065.30	2,869,561.98	2,652,422.92	17,879,509.67
17.	BAYAN LEPAS	294,394.33	2,556,371.10	3,290,626.02	1,125,041.96	1,697,009.14	1,536,125.59	1,725,711.48	1,430,034.40	13,655,314.02
18.	PULAU BETONG	7,397,225.32	3,886,340.45	7,869,231.97	3,690,200.08	4,294,268.81	5,007,166.96	3,270,420.90	6,749,020.23	42,163,874.72
19.	TLK. BAHANG	1,722,668.70	1,597,203.27	2,844,266.70	2,321,728.44	3,026,078.35	4,972,852.50	3,071,857.50	3,726,682.80	23,283,338.26
20.	BERAPIT	7,308,003.06	7,322,518.66	4,580,689.36	6,204,978.32	6,237,893.04	6,155,459.24	5,254,596.99	4,379,517.13	47,443,655.80
21.	BKT. TENGAH	8,267,607.74	11,469,479.98	8,388,758.82	8,008,495.91	12,751,706.03	12,511,447.69	11,726,663.70	10,851,501.96	83,975,661.83
22.	MACHANG BUBUK	3,998,817.39	5,868,581.42	7,838,034.21	7,716,614.28	12,784,374.42	10,824,897.51	12,134,576.84	10,429,922.50	71,595,818.57
23.	PDG. LALANG	7,797,616.50	8,289,719.99	5,330,095.76	4,788,959.43	8,982,121.34	10,574,253.60	7,607,877.96	4,808,891.24	58,179,535.82
24.	PENANTI	7,488,680.13	11,466,670.49	5,001,232.08	4,583,762.02	4,692,147.66	6,229,337.98	5,760,264.64	4,500,955.89	49,723,050.89
25.	PERAI	7,616,702.43	9,634,784.50	5,983,512.84	5,051,856.95	10,284,406.77	12,339,874.44	10,216,409.01	5,654,605.86	66,782,152.80
26.	PMTG. PASIR	7,351,966.07	9,841,546.93	5,250,298.02	2,618,670.87	3,863,209.17	7,172,898.26	3,308,687.83	2,906,772.81	42,314,049.96
27.	SBRG. JAYA	8,019,297.10	13,354,249.84	6,773,253.73	6,114,809.32	9,258,286.84	10,262,105.74	9,278,760.36	6,860,317.00	69,921,079.93
28.	PENAGA	2,910,722.52	3,426,957.51	3,395,308.06	2,960,240.14	4,392,421.97	6,360,399.28	3,198,945.63	3,642,115.43	30,287,110.54
29.	BERTAM	2,821,403.16	5,367,141.87	2,782,038.10	2,629,032.77	3,394,805.41	4,514,841.66	3,712,799.59	2,275,405.00	27,497,467.56

BIL	KADUN	2018										2019		2020		2021		2022		2023		2024		2025		JUMLAH			
		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	
30.	PNG.TUNGGAL	3,872,282.12	4,662,736.06	3,685,201.85	2,965,913.32	7,657,132.56	11,604,384.96	9,516,812.57	3,914,100.09	47,878,563.53																			
31.	PMTG. BERANGAN	4,066,100.09	6,104,490.37	2,871,509.08	3,223,450.90	5,843,558.88	6,328,328.54	6,854,783.80	3,746,462.98	39,038,684.64																			
32.	SG. DUA	3,606,512.29	4,221,090.32	4,303,182.47	3,042,029.56	4,988,082.94	5,572,719.13	3,353,973.46	2,441,887.77	31,529,477.94																			
33.	T.A. TAWAR	2,092,240.84	1,520,582.76	1,948,170.94	1,420,563.54	1,582,540.47	2,783,274.34	2,069,536.77	1,285,167.30	14,702,076.96																			
34.	SG. PUYU	1,952,601.33	2,535,194.49	4,328,432.88	3,167,422.48	5,514,231.12	4,480,820.79	4,380,161.83	3,227,864.19	29,586,729.11																			
35.	BAGAN JERMAL	2,407,825.12	6,071,654.19	2,272,959.50	1,927,260.11	5,408,446.49	5,918,172.34	4,687,798.18	3,591,332.28	32,285,448.21																			
36.	BAGAN DALAM	2,434,905.80	1,303,423.58	2,000,144.90	2,773,099.68	3,404,761.93	3,241,070.65	3,762,872.65	2,651,872.99	21,572,152.18																			
37.	BKT TAMBUN	3,255,774.96	8,200,225.40	6,922,625.73	4,306,492.83	11,485,088.24	11,987,186.89	13,039,842.32	10,437,862.89	69,635,099.26																			
38.	SG. BAKAP	2,058,262.56	6,629,039.55	7,298,733.75	5,150,539.57	5,860,734.58	7,088,210.20	6,714,351.85	7,132,723.00	47,932,595.06																			
39.	JAWI	3,272,537.31	7,416,306.41	7,449,770.41	8,688,588.17	10,775,509.16	8,276,623.42	6,775,129.72	7,660,520.34	60,314,984.94																			
40.	SG. ACHEH	2,090,468.16	3,752,281.88	5,731,654.39	5,177,000.70	4,997,398.07	5,392,099.88	6,801,783.90	7,034,210.90	40,976,897.88																			

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXIII)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH  
YB LIM GUAN ENG**

10. Nyatakan sama ada benar kos projek kereta kabel Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang telah naik dan jadual siap kerja telahpun dilewatkan.
- (a) Apakah kos baru dan tarikh siap terkini serta implikasinya kepada syarikat dan Kerajaan Negeri?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Ya, kos projek kereta kabel Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) telah naik dan tempoh siap kerja telah berubah berbanding jadual asal.
- (a) Kos asal projek kereta kabel adalah sebanyak RM245 juta, namun kos ini telah meningkat melebihi RM400 juta. Hal ini disebabkan oleh kenaikan kos upah tenaga kerja, kenaikan harga bahan binaan, perubahan anggaran kos terkini mengikut perubahan pasaran (pelaksanaan cukai SST) dan keperluan pembinaan serta perubahan kadar pertukaran mata wang asing.

Dari segi tempoh pelaksanaan, tarikh asal siap ialah pada Disember 2026, manakala tarikh baharu projek ini dijangka siap adalah pada Februari 2027. Lanjutan tempoh pelaksanaan projek ini adalah disebabkan oleh faktor keadaan cuaca, lantikan sub-kontraktor yang bersesuaian dan berpengalaman, perubahan jadual pelaksanaan projek berikutan pengubahsuaian reka bentuk bangunan *Multistorey Carpark* dan *Garden Station* yang memerlukan permohonan semula Kebenaran Merancang serta kelulusan Pelan Bangunan daripada Pihak Berkuasa Tempatan.

Projek ini dilaksanakan melalui kaedah Perkongsian Awam Swasta *Public-Private Partnership* (PPP), maka syarikat Hartasuma Sdn. Bhd. merupakan pihak konsesi yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pembiayaan projek ini.

Peningkatan kos ini membawa kesan kewangan kepada syarikat pelaksana kerana semua perbelanjaan ditanggung sepenuhnya oleh pihak konsesi. Syarikat perlu mendapatkan sumber pembiayaan tambahan bagi menampung kenaikan kos bahan binaan, tenaga kerja dan logistik bagi memastikan kerja pembinaan dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Dari sudut pengurusan, syarikat juga perlu menilai semula strategi pelaksanaan projek bagi memastikan keberdayaan komersial jangka panjang tidak terjejas.

Bagi pihak Kerajaan Negeri pula, walaupun tidak menanggung sebarang kos kewangan secara langsung, namun peningkatan kos dan kelewatan tetap memberi implikasi secara tidak langsung. Antaranya ialah kelewatan dalam merealisasikan manfaat projek kepada rakyat dan ekonomi negeri, termasuk peluang pekerjaan, aktiviti pelancongan, serta sumbangan kepada hasil negeri melalui cukai dan bayaran konsesi. Pihak PBBPP mewakili Kerajaan Negeri memainkan peranan aktif dalam pemantauan bagi memastikan jadual projek dipatuhi, dan menjaga kepentingan awam agar matlamat asal projek ini tercapai secara mampan dan berimpak tinggi.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXIII)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH  
YB LIM GUAN ENG**

11. Nyatakan jumlah peruntukan yang diberikan kepada Penang Science Cluster untuk menjalankan pendidikan STEM dan menganjurkan *Penang International Science Fair* setiap tahun sejak 2018.
- (a) Adakah peruntukan akan ditambah untuk operasinya dalam pejabatnya di Butterworth?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Jumlah peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Penang Science Cluster (PSC) untuk perbelanjaan operasi dan pelaksanaan program termasuk pendidikan STEM adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Selain daripada peruntukan Kerajaan Negeri, PSC turut menerima sumbangan daripada pihak industri bagi pelaksanaan program.

*Penang International Science Fair* (PISF) adalah program tahunan yang dianjurkan oleh PSC dan dibiayai oleh sumbangan industri seperti di **LAMPIRAN B**.

- (a) Bagi jumlah peruntukan untuk operasi pejabat yang terletak di Butterworth, tumpuan utama adalah untuk membiayai program teras yang telah dikenal pasti dan jumlah peruntukan tahunan dikekalkan.

**PERUNTUKAN PENANG SCIENCE CLUSTER UNTUK  
PENDIDIKAN STEM**

<b>BIL.</b>	<b>TAHUN</b>	<b>PERUNTUKAN DARIPADA KERAJAAN NEGERI (RM)</b>	<b>PERUNTUKAN DARIPADA SUMBER LAIN (RM)</b>
1.	2018	1,514,296.00	1,776,438.00
2.	2019	993,408.00	1,595,277.00
3.	2020	3,300,000.00	4,774,213.00
4.	2021	356,898.00	4,278,745.00
5.	2022	801,887.00	3,291,838.00
6.	2023	1,264,781.00	4,568,885.00
7.	2024	400,000.00	4,734,142.00
8.	2025 (sehingga 30 September 2025)	200,000.00	3,397,308.00
<b>JUMLAH</b>		<b>8,831,270.00</b>	<b>28,416,846.00</b>

**ANGGARAN SUMBANGAN INDUSTRI BAGI PENANG  
INTERNATIONAL SCIENCE FESTIVAL (PSIF)**

<b>BIL.</b>	<b>TAHUN</b>	<b>ANGGARAN SUMBANGAN INDUSTRI BAGI PISF (RM)</b>
1.	2018	472,000.00
2.	2019	611,000.00
3.	2020	0
4.	2021	150,000.00
5.	2022	218,000.00
6.	2023	598,000.00
7.	2024	634,000.00
8.	2025	645,000.00
<b>JUMLAH</b>		<b>3,328,000.00</b>

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXIII)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH  
YB LIM GUAN ENG**

12. Nyatakan kos lawatan ke EXPO Sedunia di Osaka, Jepun bersama dengan rombongan dan nyatakan setiap anggota yang menyertainya, siapa yang menanggung kos, serta manfaatnya kepada Kerajaan Negeri dan keperluan kehadiran rombongan yang begitu ramai.

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

**12. Kos Keseluruhan**

Jumlah kos yang terlibat adalah sebanyak RM2,145,470.69. Perincian adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

**Senarai Delegasi, Peranan Dan Tanggungjawab**

Senarai delegasi Pulau Pinang sempena Minggu Pulau Pinang sempena Ekspo Dunia Osaka 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

Peranan dan tanggungjawab setiap delegasi adalah seperti di **LAMPIRAN C**. Setiap anggota delegasi memainkan peranan tersendiri dalam memastikan penyertaan Pulau Pinang di EXPO Osaka 2025 mencapai objektif pelancongan, pelaburan, promosi dan reputasi antarabangsa yang dihasratkan oleh Kerajaan Negeri.

## **Manfaat Kepada Kerajaan Negeri**

Penganjuran Minggu Pulau Pinang (Penang Week) di Pavilion Malaysia sempena World Expo 2025 Osaka telah memberi impak positif yang signifikan kepada imej dan ekonomi negeri Pulau Pinang di peringkat antarabangsa. Program ini berjaya memperkukuh kedudukan Pulau Pinang sebagai hab pelaburan berteknologi tinggi, pusat inovasi dan destinasi pelancongan budaya yang terkemuka di rantau ini.

Dari segi impak ekonomi, Penang Week telah membuka peluang kerjasama strategik dengan pelabur dan syarikat antarabangsa melalui 20 sesi padanan perniagaan (business matching) yang melibatkan syarikat dari Jepun. Sepanjang program ini, tiga (3) Memorandum Persefahaman (MoU) turut ditukar antara Penang Development Corporation (PDC) dan pelabur asing, melibatkan nilai pelaburan berpotensi berjumlah RM426 juta, iaitu dengan FedEx (RM153 juta), DHL (RM153 juta) dan Shizen International & Atlantic Blue (RM120 juta).

Dari aspek promosi antarabangsa, program ini telah memperkenalkan kekuatan Pulau Pinang melalui pelbagai aktiviti seperti demonstrasi masakan tempatan, serta pameran syarikat dan usahawan Pulau Pinang dalam sektor semikonduktor, halal dan pelancongan. Penyertaan ini turut memperkukuh jaringan pelaburan, pelancongan dan diplomasi perdagangan antara Pulau Pinang dan Jepun, serta memposisikan negeri ini sebagai destinasi utama untuk pelaburan berkualiti tinggi dan pelancongan berasaskan warisan.

Selain itu, warisan budaya tidak ketara Pulau Pinang turut diketengahkan melalui pertunjukan fesyen kebaya Nyonya dan batik, yang diadakan setiap petang di pentas Pavilion Malaysia. Persembahan ini berjaya menarik perhatian pengunjung antarabangsa dengan menampilkan keanggunan dan kehalusan seni busana tradisional Pulau Pinang. Kejayaan kebaya Nyonya yang telah diiktiraf sebagai Warisan Budaya Tidak Ketara UNESCO pada Disember 2024 menjadi pemangkin kepada usaha Kerajaan Negeri untuk terus memartabatkan warisan ini di pentas global. Sambutan luar biasa daripada para pengunjung membuktikan bahawa warisan budaya Pulau Pinang bukan sahaja kaya dengan nilai estetik,

tetapi juga mampu memperkukuh imej negeri ini sebagai destinasi pelancongan budaya bertaraf dunia.

Sepanjang tempoh penganjurannya, Pavilion Malaysia di World Expo 2025 Osaka tersebut menerima sambutan luar biasa dengan jumlah pengunjung yang amat memberangsangkan. Sehubungan itu, pelaksanaan program jelajah *Not The Penang You Know* di Osaka adalah amat bertepatan pada masanya, kerana ia dapat memanfaatkan momentum dan minat tinggi rakyat Jepun terhadap Malaysia yang tercetus melalui pameran Pavilion Malaysia di World Expo 2025 Osaka. Inisiatif ini bertujuan untuk mengekalkan minat tersebut dengan menggalakkan pelancong Jepun memilih Malaysia, khususnya Pulau Pinang, sebagai destinasi pelancongan pilihan mereka.

LAMPIRAN A

KOS YANG TERLIBAT SEMPENA  
MINGGU PULAU PINANG SEMPENA EKSPLO DUNIA OSAKA 2025

BIL.	DELEGASI	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	SUMBER KEWANGAN
1	PDC (Urusetia Induk) bersama BPEN ( <i>Focal Point</i> yang dilantik MITI)	1,600,000.00	PDC dan MITI (MITI = RM220,000.00)
2	Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa	281,029.50	Kerajaan Negeri, JPBD, MBPP, MBSP
3	Pelancongan Dan Ekonomi Kreatif	80,275.00	Kerajaan Negeri
4	Infrastruktur, Pengangkutan Dan Digital	19,122.50	Kerajaan Negeri
5	Pembangunan Sosial, Kebajikan Dan Hal Ehwal Bukan Islam	40,709.00	Kerajaan Negeri
6	InvestPenang	91,634.69	InvestPenang
7	PHI	32,700.00	PHI
<b>JUMLAH (RM)</b>		<b>2,145,470.69</b>	

**LAMPIRAN B****SENARAI DELEGASI KERAJAAN NEGERI  
KE MINGGU PULAU PINANG SEMPENA EKSPLO DUNIA OSAKA  
2025****DELEGASI PDC**

<b>PDC BOD MEMBERS</b>		
<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>	<b>JAWATAN</b>
1	YAB Tuan Chow Kon Yeow	Ketua Menteri Pulau Pinang
2	YB Jagdeep Singh a/l Karpal Singh	Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang
3	YB Dato' Haji Zulkifli bin Long	Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
4	YB Zairil Khir Johari	EXCO Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital
5	YB Dato' Zabidah binti Safar	Pegawai Kewangan Negeri
6	YB Goh Choon Aik	ADUN Bukit Tambun
7	YBrs. Puan Nor Hasnah binti Badroddin	Pengarah Kanan Bahagian Hubungan Perdagangan dan Ekonomi Dua Hala Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
<b>DELEGASI PDC</b>		
<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>	<b>JAWATAN</b>
1	Ybhg. Dato' Aziz bin Bakar	Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)
2	Ybhg. Dato' Mohammad Azhar bin Hamdan	Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kanan (Teknikal/Perancangan) Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)
3	YBrs. Sr. Tuan Haji Roslan bin Hassan	Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)
4	Puan Nor Aznita binti Zainuddin	Pengurus Kanan Ketua Bahagian Pembangunan & Pengurusan Harta
5	Cik Azian binti Ahmad	Pengurus Kanan

		Ketua Bahagian Perancangan Fizikal & Pembangunan Tanah
6	Encik Samsuri bin Abd Jalil	Pengurus Kanan Ketua Bahagian Khidmat Pengurusan
7	Encik Mohd Sani bin Mohd Akier	Pengurus Kanan Ketua Bahagian Guaman
8	Encik Azahar Mohd Zamri Khoo	Pengurus Ketua Bahagian Perindustrian
9	Encik Azizee Rohemee bin Abdullah	Pengurus Ketua Unit Projek Khas
10	Encik Zulkifli bin Ismail	Pengurus Ketua Bahagian Korporat & Komunikasi
11	Encik Zulkifli bin Yusoff	Pegurus Ketua Bahagian Perancangan Strategik dan Pelaburan
12	Encik Muhamad Akmal bin Mohamad Junaidi	Penolong Pengurus Bahagian Perancangan Strategik dan Pelaburan
13	Cik Intan Zarith Soraya binti Shahfawi	Pegawai Perhubungan Awam Bahagian Korporat & Komunikasi
14	Encik Mohd Lukman bin Abd Wahab	Penolong Pegawai Tadbir Bahagian Korporat & Komunikasi
15	Encik Muhammad Shamel Mirza Lam	Pelukis Pelan Kanan Bahagian Korporat & Komunikasi
16	Cik Nur Izzah binti Abdul Raman	Setiausaha Pejabat Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
17	Puan Nursyazwani binti Haji Rosli	Pembantu Tadbir Kanan Bahagian Korporat & Komunikasi
18	Puan Shankeeta Vani Balasundaram	Penolong Pengurus Kanan
19	En Ir Izwanaim Ismail	Chief Operating Officer Solar Voltech Sdn. Bhd.

<b>PEJABAT KETUA MENTERI</b>		
<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>	<b>JAWATAN</b>
1	Encik Mohd Balkish bin Othman	Setiausaha Sulit Kanan
2	Puan Yap Lee Ying	Pengarah Komunikasi / Setiausaha Akhbar
<b>BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI (BPEN)</b>		
<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>	<b>JAWATAN</b>
1	Encik Zarul Azwan bin Adam	Penolong Setiausaha Kanan (Pelancongan dan Ekonomi Kreatif)
2	Puan Junaidah binti Jamil	Penolong Setiausaha Kanan (Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi)
3	Puan Fatimah binti Jamaludin	Penolong Setiausaha (Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar)

**DELEGASI DI BAWAH EXCO KERAJAAN TEMPATAN DAN PERANCANGAN BANDAR & DESA**

<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>	<b>JAWATAN</b>
1	YB H'ng Mooi Lye	EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa
2	Puan Lee Cunmin	Isteri kepada YB EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa
3	YB Dato' Wan Nor Sakina binti Saad	Penasihat Undang-undang Negeri Pulau Pinang
4	YBhg. Dato' TPr. Gs. Rozita binti Hamit	Pengarah, Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD)
5	Encik Muhamad Husni bin Mahmud	Setiausaha Bahagian, BKT
6	Encik Azim Rabbani bin Syed Sultan	Penolong Setiausaha, BKT
6	Puan Low Vin Yin	Pembantu Khas kepada YB EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa

BIL.	NAMA	JAWATAN
7	YBhg. Dato' Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid	Datuk Bandar, MBSP
8	Encik Faris Zaki bin Basri	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan, MBSP
9	Sr. Cheong Chee Hong	Setiausaha Bandaraya, MBPP
10	Puan Tan Bee Luan	Pengarah Jabatan Perbendaraan, MBPP

#### DELEGASI DI BAWAH EXCO PELANCONGAN DAN EKONOMI KREATIF

BIL.	NAMA	JAWATAN
1	YB Wong Hon Wai	EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif
2	Encik Ong Zhan Hao	Pegawai Khas kepada EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif
3	Encik Ooi Chok Yan	Ketua Pegawai Eksekutif <i>Penang Global Tourism</i> ;
4	Cik Yoon Pauline	Pegawai Pemasaran, <i>Penang Global Tourism</i>

#### DELEGASI DI BAWAH EXCO PEMBANGUNAN SOSIAL, KEBAJIKAN DAN HAL EHWAL BUKAN ISLAM

BIL.	NAMA	JAWATAN
1	YB Puan Lim Siew Khim	EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwah Bukan Islam

**DELEGASI DI BAWAH EXCO INFRASTRUKTUR, PENGANGKUTAN DAN DIGITAL**

BIL.	NAMA	JAWATAN
1	YB Tuan Zairil Khir Johari	EXCO Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital
2	Puan Lennie Khor	Pegawai Khas kepada YB EXCO Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital
3	Puan Najwa Juaini binti Azmi	Setiausaha Bahagian BKSA
4	Encik Muhammad Sharrieffuddin bin Mohd Jaki	Penolong Setiausaha (Infrastruktur & Pengangkutan)
5	Yuweneswaran a/l Suppiah	Pegawai Tadbir Unit Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang

**DELEGASI DI BAWAH INVESTPENANG**

BIL.	NAMA	JAWATAN
1	Dato' Loo Lee Lian	Ketua Pegawai Eksekutif
2	Puan Tun Qurratul Ain	Pengurus Kanan, Bahagian Ekonomi Digital
3	Puan Ong Mee Choo	Pengarah, <i>Penang Silicon Design @5KM+</i> (PSD@5KM+)

**DELEGASI DI BAWAH PENANG HALAL INTERNASIONAL (PHI)**

BIL.	NAMA	JAWATAN
1	Mohd Azraie Ramli	CEO
2	Isharina Basri	Pen. Pengurus Pentadbiran & Kewangan
3	Nur Shahidah Syed Mohamed	Pegawai Media

## LAMPIRAN C

### PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB SETIAP DELEGASI MINGGU PULAU PINANG SEMPENA EKSPLO DUNIA OSAKA 2025

#### DELEGASI PDC (URUSETIA INDUK) BERSAMA BPEN (FOCAL POINT YANG DILANTIK MITI)

1. Penyediaan dan pengurusan Pavilion Pulau Pinang sepanjang minggu Pulau Pinang;
2. Pelaksanaan aktiviti promosi, pameran, *pocket talk*, *business matching* terhadap tujuh (7) projek berimpak tinggi oleh PDC;
3. Urusan protokol dan majlis perasmian pada 24 September 2025 serta majlis MoU. Terdapat tiga (3) MoU yang terlibat iaitu FedEx, DHL dan Shizen International & Atlantic Blue;
4. Lawatan ke fasiliti model Jepun seperti Nakanoshima Cross di Osaka, bagi melihat model hospital-inovasi yang serupa dengan visi Pulau Pinang dalam sektor kesihatan;
5. Sesi libat urus pemain industri Jepun; dan
6. Speaker bagi program *pocket talk*.

#### DELEGASI DI BAWAH EXCO KERAJAAN TEMPATAN DAN PERANCANGAN BANDAR & DESA

1. Kunjungan hormat dan lawatan penanda aras ke fasiliti serta organisasi berkaitan dengan pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan perancangan bandar dalam aspek pengurusan sisa pepejal, bandar pintar, mitigasi menghadapi perubahan iklim dan lain-lain yang berkaitan.
2. Delegasi Kerajaan Negeri telah mengadakan beberapa siri kunjungan hormat dan lawatan penanda aras seperti berikut:
  - (i) Sesi Kunjungan Hormat ke Osaka City Council;
  - (ii) Sesi Kunjungan Hormat ke Sakai City Government;
  - (iii) Lawatan ke Fasiliti Suminoe Incineration Plant (*Waste to Energy – WtE Plant*);
  - (iv) Lawatan ke Fasiliti DINS Kansai Recycling Assortment Centre (RAC);
  - (v) Lawatan ke Syarikat Ryoden Corporation (syarikat smart farming);
  - (vi) Lawatan ke Research Institute of Environment, Agriculture and Fisheries, Osaka (RIEAF);
  - (vii) Lawatan ke Global Environment Centre Foundation (GEC);

- (viii) Majlis Perasmian Penang Week di Pavilion Malaysia dan Lawatan ke Pavilion Negara-negara Lain di Ekspo Osaka 2025;
- (ix) Lawatan Penanda Aras ke Tapak Warisan Dunia United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO) di Todai-Ji, Nara;
- (x) Lawatan Penanda Aras ke Osaka Castle Park; dan
- (xi) Lawatan Penanda Aras ke Projek Umekita (Projek Pembangunan Semula Bandar di Umekita, Osaka).

#### **DELEGASI DI BAWAH EXCO PELANCONGAN DAN EKONOMI KREATIF**

1. Mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan; dan
2. Menjalankan sesi pameran, *pocket talk*, *business matching* pemain industri pelancongan di Jepun.

#### **DELEGASI DI BAWAH EXCO INFRASTRUKTUR, PENGANGKUTAN DAN DIGITAL**

1. Delegasi Kerajaan Negeri melibatkan portfolio MMK Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital ke “Minggu Pulau Pinang” sempena Ekspo Dunia Osaka 2025 pada 23 September 2025 adalah susulan daripada jemputan daripada *Japan International Cooperation Agency* (JICA) menerusi kajian yang dilaksanakan dengan kerjasama JICA dan Bandar Kawasaki berkaitan dengan Pengurusan Sumber Air dan Pemuliharaan Alam Sekitar.
2. Penyertaan delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke Minggu Pulau Pinang sempena Ekspo Dunia Osaka 2025 merupakan satu usaha strategik bagi memperkukuh dasar pembangunan mampan dan pengurusan sumber air negeri. Melalui platform antarabangsa ini, Kerajaan Negeri berpeluang memperkenalkan dasar serta hala tuju Pulau Pinang dalam aspek infrastruktur hijau, ekonomi berdaya tahan dan pengurusan sumber air yang lestari.
3. Lawatan ini turut memberi ruang kepada delegasi negeri untuk meneruskan kerjasama dengan Japan International Cooperation Agency (JICA) susulan pelaksanaan Kajian JICA mengenai Pengurusan Sumber Air Pulau Pinang. Melalui libat urus ini, Pulau Pinang dapat menilai amalan terbaik Jepun dalam pengurusan air, mitigasi kemarau dan pembangunan bandar lestari, sekali gus memperkukuh pelaksanaan Enakmen Sumber Air Pulau Pinang 2025.

Secara keseluruhannya, penyertaan ke Ekspo Dunia Osaka 2025 bukan sekadar lawatan promosi, tetapi satu langkah penting bagi memperkukuh hubungan dasar antarabangsa, memperluas kerjasama teknikal, serta memastikan dasar dan polisi negeri terus selaras dengan amalan global ke arah menjadikan Pulau Pinang sebagai

negeri contoh dalam tadbir urus air dan pembangunan mampan.

### **DELEGASI DI BAWAH INVESTPENANG**

1. Penyertaan InvestPenang ke Ekspo Dunia Osaka 2025 bukan sahaja bertujuan mempromosikan Pulau Pinang sebagai hab pelaburan strategik dalam sektor reka bentuk litar bersepadu (*IC Design*), tetapi juga memperkenalkan keupayaan dan kepakaran syarikat-syarikat tempatan kepada pasaran Jepun dan antarabangsa. Inisiatif ini sejajar dengan pelaksanaan *Penang Silicon Design @ 5KM+*, yang memberi tumpuan kepada pengukuhan rantai nilai industri semikonduktor serta pembangunan bakat tempatan.
2. InvestPenang memperkukuh hubungan ekonomi dua hala antara Pulau Pinang dan Jepun, di samping menggalakkan kerjasama strategik dalam bidang teknologi, inovasi, dan penyelidikan reka cip. Usaha ini seterusnya mengukuhkan kedudukan Pulau Pinang sebagai rakan strategik utama dalam ekosistem inovasi dan ekonomi digital serantau.
3. Antara acara utama yang dianjurkan ialah seminar *Penang, Malaysia Business Seminar* di Pavilion Malaysia pada 24 September 2025 dengan tema "*Penang: Gateway to Southeast Asia's Innovation Economy.*" Pada seminar tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif InvestPenang, Dato' Loo Lee Lian, menyampaikan pembentangan mengenai landskap industri Pulau Pinang dan kelebihan negeri ini sebagai hab inovasi serta teknologi. Beberapa syarikat reka bentuk IC tempatan seperti Oppstar Technology, Silicon X, SkyeChip, dan Tenasic Technology turut diketengahkan sebagai contoh kejayaan industri tempatan.
4. Seminar ini telah disertai lebih dari 30 delegasi Jepun. Sebagai penganjur dan penyelaras utama seminar ini, InvestPenang bertanggungjawab menyelaras urusan bersama JETRO selaku rakan kolaborasi, serta pihak pengurusan Pavilion Malaysia bagi memastikan kelancaran pelaksanaan seminar. Ini termasuk penyediaan jadual pembentangan, pengurusan jemputan syarikat Jepun dan wakil industri, penyediaan bahan promosi serta pameran, pengurusan logistik (susun atur lokasi, kemudahan audiovisual, jamuan ringan, bahan cenderamata), dan koordinasi keseluruhan perjalanan program bagi seminar ini.
5. InvestPenang juga turut menyertai sesi *business matching* yang dianjurkan oleh MATRADE, bertujuan menghubungkan syarikat reka bentuk IC tempatan dengan rakan kongsi berpotensi di Jepun.
6. Selain penyertaan di Ekspo Dunia Osaka, delegasi InvestPenang juga mengadakan tujuh lawatan rasmi dan sesi pertemuan bersama agensi Jepun seperti JETRO, syarikat pemula (*startups*), serta korporat besar dalam industri semikonduktor di Tokyo, Kyoto, dan Osaka bagi memperkukuh promosi

keupayaan reka cipta Pulau Pinang dan mempersiapkan negeri sebagai destinasi pelaburan berteknologi tinggi.

Secara keseluruhannya, delegasi InvestPenang terlibat secara langsung dalam perancangan, pelaksanaan dan penyelarasan keseluruhan program dalam misi pelaburan InvestPenang ke Jepun.

#### **DELEGASI DI BAWAH PENANG HALAL INTERNASIONAL (PHI)**

PHI berfungsi sebagai wakil industri halal Pulau Pinang yang memainkan peranan sebagai agensi yang mempromosi, hubungan industri halal antarabangsa, dan membantu memposisikan Pulau Pinang bukan hanya sebagai pusat teknologi dan pelaburan, tetapi juga sebagai destinasi industri halal yang kompetitif. Turut memaparkan ialah produk-tempatan, halal *lifestyle* serta peluang industri halal daripada Pulau Pinang yang sekali gus memperluaskan industri halal negeri ke peringkat antarabangsa.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXIII)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH  
YB LIM GUAN ENG**

13. Nyatakan apakah tindakan yang diambil oleh PDC ke atas segala teguran semua Laporan Tahunan Ketua Audit Negara.
- (a) Adakah suatu audit forensik bebas dijalankan untuk projek-projek gagal seperti projek pelebaran Jalan Tok Kangar yang masih belum siap selepas 5 tahun?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

13. Berikut adalah tindakan yang dilaksanakan oleh pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) terhadap setiap teguran di dalam Laporan Tahunan Ketua Audit Negara:-
- (i) Tindakan penambahbaikan diambil bagi memastikan teguran yang sama tidak berulang pada masa hadapan;
- (ii) Maklum balas terhadap teguran tersebut telah dimuat naik ke dalam sistem *Auditor General's Dashboard*, Jabatan Audit Negara (AG Dashboard) dan sentiasa dipantau sehingga status "Dalam Tindakan" berubah kepada "Selesai"; dan
- (iii) Laporan Penemuan Audit dan status semasa AG Dashboard telah dibentangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Audit Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

Selain itu, PDC juga telah melantik firma audit luar iaitu Deloitte Business Advisory Sdn. Bhd. untuk menjalankan pengauditan

ke atas projek-projek yang diuruskan oleh PDC termasuk projek Jalan Tok Kangar pada tahun 2022 dan 2024. Laporan Penemuan-Penemuan Audit telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit PDC pada 30 Mac 2023 dan 23 Disember 2024.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXIII)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH  
YB LIM GUAN ENG**

14. Senaraikan kos lawatan luar negeri dan negara oleh Ketua Menteri, Ahli EXCO dan ahli rombongannya serta maksud dan kejayaan setiap lawatan itu sejak 2020.

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

14. Kos lawatan ke luar negeri dan ke luar negara oleh YAB Ketua Menteri, Ahli EXCO dan ahli rombongannya serta maksud dan kejayaan setiap lawatan sejak 2020 adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

LAMPIRAN A

SENARAI LAWATAN LUAR NEGARA KETUA MENTERI, AHLI EXCO DAN ROMBONGANNYA PADA TAHUN 2020 DAN 2021

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
1.	Lawatan Kerja Ke Chengdu, China Dari 6 Hingga 9 Januari 2020.	1,880.00	1. YB Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Hussain EXCO Perdagangan Dalam Negeri dan Antarabangsa, Hal Ehwal Pengguna, Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi; dan 2. Penang International Halal Hub.	Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Halal Penang dan Chengdu New High Tech Park dan China Islamic Finance Club, seterusnya membuka pasaran baharu berkaitan produk makanan halal di Chengdu.
2.	Penyertaan Ke <i>Penang Roadshow In India</i> (Mumbai, Delhi, Chennai) Dari 12 Hingga 19 Januari 2020.	11,603.76	1. YB Yeoh Soon Hin EXCO Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan; 2. YB Satees Muniandy ADUN Bagan Dalam; dan 3. Penang Conventions and Exhibitions Bureau.	Membuka peluang pasaran baharu di India, menarik peningkatan pelancongan dari India melalui promosi produk tarikan baharu negeri melalui majlis pelancongan / <i>networking</i> dan sesi ' <i>business to business</i> ' di Mumbai, Delhi dan Chennai.
3.	Penyertaan Ke Majlis Penganugerahan ASEAN <i>Tourism Awards 2020</i> Pada 16 Januari 2020 Di Brunei Darussalam.	16,378.00	1. YB Jagdeep Singh Deo EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa; dan 2. Majlis Bandaraya Pulau Pinang.	Menerima anugerah ASEAN <i>Clean Tourist City Standard 2020</i> dan mempromosi Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan utama melalui tarikan kepada tempat peranginan, pelancongan eko, warisan dan kepelbagaian budaya.
4.	Penyertaan Ke Persidangan <i>World Urban Forum Kallu Ke 10</i>	70,160.00	1. YB Jagdeep Singh Deo	Membantu Kerajaan Negeri menguruskan proses urbanisasi dengan

LAMPIRAN A

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
	(WUF 10) Di Abu Dhabi, United Arab Emirates Dari 8 Hingga 15 Februari 2020.		<p>EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar &amp; Desa;</p> <p>2. Majlis Bandaraya Seberang Perai;</p> <p>3. Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang; dan</p> <p>4. Sekretariat GTCDC.</p>	<p>lebih terancang di Pulau Pinang melalui pendedahan kepada delegasi berhubung sistem pentadbiran dan polisi yang dilaksanakan oleh negara luar.</p>
<p>Tiada lawatan ke luar negara bermula Mac 2020 sehingga awal tahun 2022 berikutan Perintah Kawal Pergerakan kerana wabak COVID-19</p>				

\* Anggaran berdasarkan kelulusan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

LAMPIRAN A

SENARAI LAWATAN LUAR NEGARA KETUA MENTERI, AHLI EXCO DAN ROMBONGANNYA PADA TAHUN 2022

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
1.	Delegasi Kerajaan Negeri Ke EXPO 2020 Dubai Pada 16 Hingga 19 Januari 2022 Di Dubai Exhibition Centre, Dubai.	527,101.00	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Dato Haji Abdul Halim bin haji Hussain EXCO Perdagangan Dalam Negeri dan Antarabangsa, Hal Ehwal Pengguna, Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi;</li> <li>2. YB Yeoh Soon Hin EXCO Pelancongan dan Kreatif Industri;</li> <li>3. YB Goh Choon Aik ADUN Bukit Tambun;</li> <li>4. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP);</li> <li>5. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang;</li> <li>6. Invest Penang;</li> <li>7. Penang Global Tourism; dan</li> <li>8. Penang Halal International.</li> </ol>	<p>Mengeratkan hubungan dengan pihak berkuasa korporat di Dubai serta untuk terus bekerjasama dan meneroka potensi pelaburan dan perniagaan, mengeratkan hubungan ekonomi dalam bidang perdagangan, pelaburan bernilai tinggi, teknologi, logistik. e-commerce dan lain-lain lagi. Jumlah keseluruhan 'potential values' yang diperolehi sepanjang Minggu Pulau Pinang EXPO 2020 Dubai adalah RM18,221,918,034.00 atau USD 4,372.438,272.00.</p>

LAMPIRAN A

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
2.	Penyertaan Ke Program <i>International Urban And Regional Cooperation</i> (IURC) Di Republik Portugal Dari 24 April Hingga 1 Mei 2022.	16,738.00	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Phee Boon Poh EXCO Alam Sekitar dan Kebajikan;</li> <li>2. Penang Green Council; dan</li> <li>3. Majlis Bandaraya Pulau Pinang.</li> </ol>	Mengalakkan kerjasama antara Pulau Pinang dengan bandar-bandar European Union (EU) dalam usaha memupuk konsep <i>circular economy</i> untuk pembangunan bandar yang mampan terutamanya dalam pengurusan sisa. dan “ <i>city to city matchmaking</i> ” ini akan membolehkan bandar-bandar yang berkaitan berkongsi cabaran, masalah dan kaedah penyelesaian dalam tiga bidang utama iaitu penyelidikan dan inovasi, perkongsian pengetahuan dan amalan terbaik serta meneroka peluang pelaburan dan perniagaan.
3.	Lawatan Kerja Ke Amsterdam Bagi Menghadiri Program <i>Geospatial World Forum</i> (GWF) 2022 Dari 7 Hingga 14 Mei 2022.	54,931.00	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Chong Eng EXCO Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam; dan</li> <li>2. Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang.</li> </ol>	Menerima <i>Geospatial World Excellence Award</i> bagi Projek <i>Penang Stops Violence</i> , berkongsi pandangan dan pengalaman dengan peserta yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin negara lain berhubung amalan dan penggunaan alatan dan penyelesaian geospasial dalam pelbagai bidang terutamanya dari sudut sosial dan mempromosi Pulau Pinang di peringkat antarabangsa.
4.	Penyertaan Ke <i>Arabian Travel Market (ATM) 2022</i> Di Dubai Dan Roadshow Di Republik Islam Iran Dari 10 Hingga 18 Mei 2022.	8,492.47	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Yeoh Soon Hin EXCO Pelancangan dan Ekonomi Kreatif; dan</li> <li>2. Penang Global Tourism.</li> </ol>	Merangsang pelancangan antarabangsa dari Wilayah Timur Tengah terutamanya dari Dubai dan Tehran dengan memperkenalkan daya tarikan baharu negeri dan menggalakkan ejen-ejen

LAMPIRAN A

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
				pelancongan tempatan mempromosi pakej pelancongan Negeri Pulau Pinang.
5.	Lawatan Kerja Ke Singapura Bagi Menjalinkan Kerjasama Bersama Singapura Dalam Pembangunan Belia Dari 12 Hingga 14 Jun 2022.	13,255.00	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Soon Lip Chee EXCO Belia dan Sukan; dan</li> <li>2. Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang.</li> </ol>	Memperkuh kerjasama bagi agenda pembangunan belia dalam pelbagai aspek termasuklah pengukuhan akademik, keusahawanan dan kesenian.
6.	Penyeretaan Ke Persidangan <i>World Urban Forum</i> Kali Ke 11 (WUF 11) Di Katowice, Poland Dan Lawatan Teknikal Ke Vienna, Austria Dari 24 Jun Hingga 5 Julai 2022	183,510.00	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pegawai Kewangan Negeri (Mewakili YB Jagdeep Singh Deo yang tidak dapat hadir);</li> <li>2. Bahagian Kerajaan Tempatan, PSUKPP; dan</li> <li>3. Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang.</li> </ol>	Membantu Kerajaan Negeri mengurus dan melaksanakan proses urbanisasi dengan lebih terancang di Pulau Pinang serta dapat mempelajari sistem pentadbiran dan polisi yang dilaksanakan oleh negara luar seterusnya membuat penambahbaikan kepada sistem sedia ada.
7.	Lawatan Kerja Ke CPG Corporation Singapura Mulai 13 Hingga 15 Julai 2022.	81,367.75	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Zairil Khir Johari EXCO Infrastruktur Dan Pengangkutan;</li> <li>2. YB H'ng Mooi Lye ADUN Jawi;</li> <li>3. YB Goh Choon Aik ADUN Bukit Tambun;</li> </ol>	Memberikan peluang pembelajaran dan percambahan idea kepada ahli jawatankuasa yang terlibat secara langsung dalam pengurusan banjir untuk memahami pelaksanaan <i>best practices</i> serta teknologi terkini yang diguna pakai dalam pembangunan infrastruktur dan perkhidmatan pengurusan di rantau Asia Pasifik.

LAMPIRAN A

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
8.	Lawatan Kerja Ke Temasya Sukan Komanwel Ke-22 Birmingham, England 2022 Dari 27 Julai Hingga 3 Ogos 2022 Dan Kunjungan Hormat Ke UK Sport.	132,021.50	<ol style="list-style-type: none"> <li>4. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, PSUKPP.</li> <li>5. Majlis Bandaraya Pulau Pinang;</li> <li>6. Majlis Bandaraya Seberang Perai; dan</li> <li>7. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang.</li> </ol>	Mengeratkan kerjasama melalui sesi perkongsian dan pertukaran idea antara Kerajaan Negeri dan United Kingdom dalam hal ehwal pembangunan sukan yang seterusnya digunakan dalam penyediaan rancangan Pelan Induk Pembangunan Sukan di Negeri Pulau Pinang di samping memberi pendedahan dan pengalaman kepada delegasi berhubung gerak kerja penganjuran Temasya Sukan Komanwel.
9.	Menghadiri Persidangan Antarabangsa – 26 <sup>th</sup> General Conference, International Council Of Museums (ICOM) Di Prague, Czech Republik pada 20 Hingga 28 Ogos 2022.	85,813.00	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB. Yeoh Soon Hin EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif; dan</li> <li>2. Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang.</li> </ol>	Platform kepada YB EXCO dan Lembaga Muzium bagi membina dan memperkukuhkan jaringan antarabangsa secara terus dengan penjawat-penjawat tertinggi ICOM dan seterusnya membantu pihak Lembaga Muzium bagi pelaksanaan dasar-dasar

LAMPIRAN A

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
10.	Menghadiri Persidangan <i>The International Conference On Cohesive Societies</i> Di Singapura Dari 5 Hingga 7 September 2022.	2,410.00	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Chong Eng EXCO Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam; dan</li> <li>2. Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd.</li> </ol>	Meningkatkan pengetahuan melalui perbincangan dan perkongsian maklumat berkenaan pendekatan untuk mengurus hubungan antara kaum dalam masyarakat majmuk dan berkongsi Visi Kerajaan Negeri Penang 2030 berkenaan pengekal hubungan mesra antara pelbagai komuniti demi keamanan dan kebahagiaan masyarakat.
11.	Penyertaan Ke Pameran <i>Geylang Serai Food Festival 2022</i> Di Singapura Berserta Majlis Mesyuarat Dari 7 Hingga 11 September 2022.	91,812.00	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Hussain EXCO Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan;</li> <li>2. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, PSUKPP;</li> <li>3. Penang Halal International;</li> <li>4. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang;</li> <li>5. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang; dan</li> <li>6. Invest Penang.</li> </ol>	Memperkenalkan Penang Halal sebagai hab halal yang bertanggungjawab untuk mempromosi dan membangunkan industri halal dan taman perindustrian halal di Pulau Pinang dan platform kepada para usahawan dalam mengembangkan perusahaan ke peringkat antarabangsa.

LAMPIRAN A

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
12.	Lawatan Kerja Ke Camden London Borough Council Dan King's Cross, London, United Kingdom Dari 12 Hingga 19 September 2022.	225,373.00	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB. Jagdeep Singh Deo EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar &amp; Desa;</li> <li>2. Bahagian Kerajaan Tempatan, PSUKPP;</li> <li>3. Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang; dan</li> <li>4. Majlis Bandaraya Pulau Pinang.</li> </ol>	Meninjau dan mempelajari pendekatan dan pengalaman King's Cross Central Partnership selaku pelaksana dan Camden London Borough Council selaku pihak berkuasa merancang berkaitan strategi dan program memulakan pembaharuan semula bandar, reka bentuk, kos dan perundangan berkaitan pembaharuan semula, penentuan konsep kediaman, komersil dan bercampur bagi kemampunan kos, dan penglibatan awam swasta dalam mengatasi birokrasi perancangan.
13.	Jemputan Ke Asia-Pacific Ministerial Conference On Disaster Risk Reduction (APMCDRR), Brisbane, Australia, 19 Hingga 22 September 2022.	118,295.00	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Phee Boon Poh EXCO Alam Sekitar dan Kebajikan; dan</li> <li>2. Unit Pengurusan Bencana, PSUKPP.</li> </ol>	Membantu Kerajaan Negeri dan pihak berkepentingan merangka halatuju strategik, koordinasi, menjalankan kerjasama dan mengembangkan pelaksanaan instrumen-instrumen yang bertaraf antarabangsa berkenaan pengurusan risiko melalui pendedahan kepada maklumat-maklumat pengurusan bencana secara menyeluruh di peringkat global.
14.	Lawatan Kerja Ke Ho Chi Minh City, Vietnam Bagi Menjalinkan Kerjasama Dalam Pembangunan Belia Dari 5 Hingga 9 Disember 2022.	5,914.11	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Soon Lip Chee EXCO Belia dan Sukan;</li> <li>2. YB Kumaresan a/l Aramugam ADUN Batu Uban; dan</li> </ol>	Melawat dan menandatangani <i>Memorandum of Understanding</i> (MoU) dengan Sunwah Innovations HCMC untuk membangunkan golongan belia di kedua-dua belah pihak negara dan memperkaya ilmu dan pengalaman

LAMPIRAN A

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
			3. Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang.	dalam bidang keusahawanan, inovasi, teknologi dan kepimpinan melalui inisiatif program pertukaran, projek usaha sama industri dan komuniti, kem, bengkel dan sebagainya.
15.	Lawatan Kerja Ke Tamil Nadu, India Dari 19 Hingga 24 Disember 2022.	30,224.00	<ol style="list-style-type: none"> <li>YB Prof Dr Ramasamy a/l Palanisamy TKM2 / EXCO Perancang Ekonomi Negeri, Pendidikan, Pembangunan Modal Insan dan Sains, Teknologi dan Inovasi;</li> <li>YB Satees a/l Muniandy ADUN Bagan Dalam; dan</li> <li>Ahli Majlis MBSP.</li> </ol>	Meningkatkan perniagaan dengan usahawan dan pengusaha industri di India dan menarik pelabur-pelabur India terutamanya dalam bidang pendidikan, perindustrian dan perubahan untuk melabur di Pulau Pinang.
16.	Lawatan Kerja Ke Jepun Mulai 19 Hingga 26 Disember 2022.	59,406.60	<ol style="list-style-type: none"> <li>YB Yeoh Soon Hin EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif; dan</li> <li>Unit Komunikasi Korporat &amp; Inovasi, PSUKPP.</li> </ol>	Merangsang pelancongan antarabangsa dari Jepun dalam merencanakan semula sektor pelancongan Negeri Pulau Pinang dengan memperkenalkan daya tarikan baharu negeri.

\* Anggaran berdasarkan kelulusan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

LAMPIRAN A

SENARAI LAWATAN LUAR NEGARA KETUA MENTERI, AHLI EXCO DAN ROMBONGANNYA PADA TAHUN 2023

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
1.	Lawatan Kerja Ke Kementerian Pembangunan Negara (MND) dan Lembaga Perumahan & Pembangunan Singapura (HDB) Dari 15 Hingga 17 Januari 2023.	41,800.00	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar &amp; Desa;</li> <li>2. Bahagian Kerajaan Tempatan, PSUKPP;</li> <li>3. Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang; dan</li> <li>4. Majlis Bandaraya Pulau Pinang.</li> </ol>	Mempelajari pendekatan dan pengalaman Lembaga Perumahan dan Pembangunan Singapura (HDB) berhubung strategi dan program memulakan pembaharuan semula bandar, reka bentuk kos dan perundangan berkaitan pembaharuan semula dan konsep pemajuan dan libat urus komuniti.
2.	Penyertaan Ke 11 <sup>th</sup> Regional 3R And Circular Economy Forum In Asia And The Pacific Di Siem Reap, Kemboja Dari 7 Hingga 12 Februari 2023.	6,720.00	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Phee Boon Poh EXCO Alam Sekitar dan Kebajikan; dan</li> <li>2. Penang Green Council.</li> </ol>	Membincangkan dasar dan program berkaitan 3R (reduce, reuse, recycle) dan ekonomi kitaran, penyusunan institusi dan teknologi di samping memajukan konsep 3R dan ekonomi kitaran di rantau ini dan menggalakkan perbincangan sinergi dalam mencapai Sustainable Development Goals (SDG) dan Perjanjian Paris mengenai perubahan iklim melalui 3R dan ekonomi kitaran.
3.	Penyertaan Ke 11 <sup>th</sup> Meeting Of Partners Of East Asian-Australasian Flyway	14,570.00	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Phee Boon Poh (Diwakili oleh Encik Muhammad Ezhar bin Yusof)</li> </ol>	Meningkatkan pengetahuan dalam pengurusan kawasan berkepentingan burung hijrah sejajar dengan hasrat

LAMPIRAN A

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
	Partnership - EAAFP (MoP11) Di Brisbane, Australia Dari 10 Hingga 18 Mac 2023.		<p>Pengarah Perhutanan Negeri Pulau Pinang; dan</p> <p>2. Ahli Majlis MBSP.</p>	Kerajaan Negeri untuk menjadikan Kompleks Hutan Paya Air Laut di pesisir pantai Penaga sehingga ke Teluk Air Tawar sebagai <i>Flyway Site</i> di bawah forum EAAFP, iaitu tapak persinggahan burung hijau yang pertama di Semenanjung dan kedua di Malaysia selepas Sarawak.
4.	Penyertaan Ke <i>Ninth World Tamils Economic Conference</i> , Dubai Mulai 19 Hingga 20 Mac 2023 Dan Lawatan Kerja Ke Naturalis Biodiversity Center (NBC), Leiden, Belanda Mulai 20 Hingga 27 Mac 2023.	364,780.60	<p>1. YB Prof. Dr. Ramasamy a/ Palanisamy TKM2 / EXCO Perancang Ekonomi Negeri, Pendidikan, Pembangunan Modal Insan dan Sains, Teknologi dan Inovasi;</p> <p>2. YB Yeoh Soon Hin EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif;</p> <p>3. Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang; dan</p> <p>4. Bahagian Penerangan, Pejabat Ketua Menteri (CMO).</p>	Membantu dalam persediaan Kerajaan Negeri untuk membawa pulang rangka Guar Kepah dengan cara mengenal pasti keadaan sebenar 41 rangka, mengenal pasti keperluan ruang penyimpanan dan pameran di galeri arkeologi berdasarkan keadaan semasa rangka, mengenal pasti prosedur terbaik bagi melancarkan proses pemulangan rangka dan mempelajari konsep pengurusan warisan terbaik bagi pemeliharaan dan pemuliharaan aset warisan yang dilaksanakan NBC untuk diaplikasi dalam pengurusan rangka Guar Kepah.
5.	Lawatan Kerja Ke London, United Kingdom dan Dusseldorf, Germany Pada 21 Hingga 29 April 2023 dan Lawatan Teknikal Ke Fasiliti	285,502.00	<p>1. YB Jagdeep Singh Deo EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar &amp; Desa;</p>	Lawatan kerja ini adalah penting bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengetahui tentang pelaksanaan kaedah kitar semula dan teknologi termasuk <i>Waste-to-Energy (WtE)</i> dan

LAMPIRAN A

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
	Pengurusan Sisa Pepejal Di Thailand Pada 19 Hingga 23 Mei 2023.		<ol style="list-style-type: none"> <li>Bahagian Kerajaan Tempatan, PSUKPPP;</li> <li>Majlis Bandaraya Pulau Pinang;</li> <li>Majlis Bandaraya Seberang Perai; dan</li> <li>Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Pulau Pinang.</li> </ol>	<p>pengurusan tapak pelupusan yang efisien yang telah dilaksanakan di negara-negara tersebut dan sebagai rujukan serta panduan terutamanya bagi penyediaan <i>Request for Proposal (RFP)</i> Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung (TPSPB) di negeri ini pada tahun 2023.</p>
6.	Lawatan Kerja Ke Wilayah Henan, Negara China Bagi Menjalinkan Kerjasama Dalam Pembangunan Belia Dari 8 Hingga 12 Mei 2023.	25,209.00	<ol style="list-style-type: none"> <li>YB Soon Lip Chee EXCO Belia dan Sukan; dan</li> <li>Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang.</li> </ol>	<p>Menggalakkan pertukaran dan perkongsian ilmu dalam bidang pembangunan belia dari aspek pengukuhan akademik, keusahawanan, e-dagang, kepimpinan dan sebagainya.</p>
7.	Penyertaan Ke Ageing Asia 2023 – <i>World Ageing Festival</i> Di Singapura Dari 21 Hingga 26 Mei 2023.	72,262.50	<ol style="list-style-type: none"> <li>YB Chong Eng EXCO Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam; dan</li> <li>Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang.</li> </ol>	<p>Menjalinkan hubungan kerjasama yang lebih erat antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Singapura di samping meluaskan ilmu pengetahuan dan pengalaman dengan perkongsian melalui <i>Ageing Asia Health Longevity Roundtable and Facility Tour</i> berkenaan amalan terbaik dan cabaran dalam memenuhi keperluan masyarakat yang semakin tua.</p>
8.	Lawatan Delegasi Ketua Menteri Pulau Pinang Ke Bandar Xiamen Bagi	156,835.25	<ol style="list-style-type: none"> <li>YAB Tuan Chow Kon Yeow Ketua Menteri Pulau Pinang.</li> </ol>	<p>Menggalakkan pelaburan dan kerjasama antara kedua pihak melalui pertukaran dalam bidang berkepentingan bersama</p>

LAMPIRAN A

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
	<p>Menyertai <i>China International Fair For Investment &amp; Trade</i> Serta Meraikan Ulangtahun Ke-30 Jalanan Bandar Berkembar Pulau Pinang-Xiamen di Xiamen, Republik Rakyat China Pada 5 Hingga 9 September 2023.</p>		<p>2. YB H'ng Mooi Lye EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar &amp; Desa;</p> <p>3. YB Teh Lai Heng ADUN KOMTAR;</p> <p>4. YB Wong Yuee Harng ADUN Pengkalan Kota;</p> <p>5. YB Tan Hooi Peng ADUN Seri Delima; dan</p> <p>6. Invest Penang.</p>	<p>seperti ekonomi, perdagangan, pendidikan, sains, kebudayaan dan pelancongan di samping menonjolkan Pulau Pinang sebagai hab utama untuk industri pelancongan, ekonomi, kebudayaan dan pendidikan di Asia Tenggara.</p>
9.	<p>Lawatan Kerja Ke ITB China Di Shanghai Bersama Delegasi Penang Global Tourism (PGT) Dari 11 Hingga 15 September 2023.</p>	25,850.00	<p>1. YB Wong Hon Wai EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif; dan</p> <p>2. Penang Global Tourism.</p>	<p>Memperkukuh penjenamaan Pulau Pinang di pasaran Negara China dengan mempamerkan kepelbagaian negeri ini dalam budaya, makanan, tempat tarikan baharu pelancongan dan pelancongan perubatan serta menggalakkan penambahan penerbangan terus ke Pulau Pinang.</p>
10.	<p>Penyertaan Ke <i>The 20<sup>th</sup> IMT-GT Chief Minister and Gavernors' Forum and IMT-GT Expo-Gebyar Melayu Pesisir Di Bandar Batam, Kepulauan Riau, Indonesia</i></p>	23,980.00	<p>1. YB Haji Rashidi bin Zinol EXCO Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar.</p>	<p>Meningkatkan kerjasama dalam perdagangan dan pelaburan dengan negara-negara IMT-GT dan peluasan pasaran eksport.</p>

LAMPIRAN A

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
11.	Lawatan Penanda Aras Gender Responsive Budgeting (GRB) 2023 Ke Pulau Jeju dan Seoul, Korea Selatan Dari 7 Hingga 14 Oktober 2023.	54,547.00	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Lim Siew Khim EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam;</li> <li>2. YB H'ng Mooi Lye EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar &amp; Desa;</li> <li>3. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, PSUKPP;</li> <li>4. Jabatan Kewangan Negeri;</li> <li>5. Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang;</li> <li>6. Majlis Bandaraya Pulau Pinang; dan</li> <li>7. Majlis Bandaraya Seberang Perai.</li> </ol>	Mengenal pasti amalan-amalan terbaik dalam pelaksanaan GRPB di Korea Selatan dan memperkukuhkan GRPB dengan melihat pelaksanaan kitaran bajet tahunan Kerajaan Tempatan (Seoul dan Pulau Jeju) termasuk penggunaan data pecahan jantina, analisis gender, penyata bajet gender, bajet penyertaan rakyat dan penilaian impak gender sebagai alat pemantauan.
12.	Lawatan Kerja Ke ITB Asia Di Singapura Bersama Delegasi Penang Global Tourism (PGT) Dari 25 Hingga 27 Oktober 2023.	14,975.00	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Wong Hon Wai EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif; dan</li> <li>2. Penang Global Tourism.</li> </ol>	Memperkukuh destinasi pelancongan yang berasaskan riadah di Pulau Pinang dan membuka ruang pemasaran dengan syarikat penerbangan di Asia untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi penerbangan mereka.

LAMPIRAN A

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
13.	Lawatan Kerja Ke Prince Of Songkhla University, Thailand Dari 24 Hingga 26 Oktober 2023.	16,345.00	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Fahmi bin Zainol EXCO Agroteknologi &amp; Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi; dan</li> <li>2. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pulau Pinang.</li> </ol>	Membincangkan tentang perkembangan terkini dalam bidang agroteknologi dan meneroka peluang untuk menjalin kerjasama dalam bidang penyelidikan yang akan memanfaatkan sektor pertanian, penternakan serta industri penghasilan makanan negeri.
14.	Lawatan Kerja Bersama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Ke Adelaide, Australia Pada 2 Hingga 9 Disember 2023 Sempena Ulangtahun Ke-50 Hubungan Antarabangsa Bandaraya George Town Dan Adelaide.	140,000.00	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB H'ng Mooi Lye EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar &amp; Desa; dan</li> <li>2. Majlis Bandaraya Pulau Pinang.</li> </ol>	Dapat melihat teknologi dan kaedah terkini berkenaan penggunaan tenaga yang diperbaharui bagi membangunkan sebuah bandar mampan dan bersih di negara-negara maju dan membantu Kerajaan Negeri untuk memahami sistem dan teknologi yang telah dilaksanakan dan pengurusan bandar pintar dengan lebih mendalam supaya dapat dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang mengikut situasi yang sesuai.
15.	Lawatan Kerja Ke Singapura Pada 5 Disember 2023 Hingga 10 Disember 2023.	23,215.40	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Jagdeep Singh Deo TKM2/ EXCO Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi; dan</li> <li>2. Tech Dome Penang.</li> </ol>	Mewujudkan perkongsian maklumat yang efektif mengenai teknologi terkini dalam bidang industri pembuatan bersama kilang-kilang terkemuka seperti Hewlett Packard (HP) dan FLEX yang merupakan antara syarikat EMS (Electronic Manufacturing Services) iaitu industri ketiga terbesar di dunia yang turut beroperasi di Pulau Pinang.

LAMPIRAN A

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
16.	Lawatan Kerja Ke Program 'When Buddha Meets The Gods' Anjuran Muzium Fo Guang Shan Buddha Di Kaohsiung, Taiwan, Republic of China Dari 23 Hingga 28 Disember 2023.	15,795.00	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Lim Siew Khim EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam;</li> <li>2. YB Teh Lai Heng ADUN KOMTAR; dan</li> <li>3. Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO).</li> </ol>	Memahami, bertukar pendapat, pengalaman serta amalan terbaik berkaitan hal ehwal bukan islam di luar negara, membuat lawatan ke Jabatan Thanatologi University of South China untuk memahami dan mempelajari pengurusan perkuburan dari aspek fizikal dan rohani, dan mempromosi Pulau Pinang kepada pemimpin-pemimpin luar.
17.	Lawatan Kerja Ke Kaherah Mesir Dan Jordan Dari 15 Hingga 23 Disember 2023.	209,643.00	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid TKM1 / EXCO Pembangunan Agama Islam, Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Perpaduan Masyarakat;</li> <li>2. YB Haji Rashidi bin Zinol EXCO Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar; dan</li> <li>3. YB Fahmi bin Zainol EXCO Agroteknologi &amp; Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi.</li> </ol>	Menjalin kerjasama yang erat bersama pelbagai pihak yang berkepentingan di Mesir dan Jordan dalam memperkasa pembangunan modal insan Islam di kalangan pelajar seiring dengan Visi Penang2030 disamping menyantuni dan meninjau kebajikan para pelajar Pulau Pinang terutamanya dalam isu pembangunan asrama pelajar Pulau Pinang milik Kerajaan Negeri yang sedang dalam proses pembinaan serta penambahbaikan.
18.	Lawatan Kerja Ke Singapura Sports Hub - National Singapore Stadium dan Jurong Lake Garden,	11,051.70	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Gooi Zi Sen EXCO Belia, Sukan dan Kesihatan; dan</li> </ol>	Mempelajari contoh Sports City yang berjaya di Singapura untuk diaplikasi bagi pembangunan Sports City di Negeri Pulau Pinang.

LAMPIRAN A

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
	Singapura Dari 17 Hingga 19 Disember 2023.		2. Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang.	

\* Anggaran berdasarkan kelulusan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

LAMPIRAN A

SENARAI LAWATAN LUAR NEGARA KETUA MENTERI, AHLI EXCO DAN ROMBONGANNYA PADA TAHUN 2024

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
1.	Penyertaan Ke <i>Penang Roadshow For Xiamen</i> Bersama Delegasi Penang Global Tourism (PGT) Dari 4 Hingga 7 Januari 2024.	23,400.00	1. YB Wong Hon Wai EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif; dan 2. Penang Global Tourism.	Mempromosikan Pulau Pinang di Xiamen sebagai susulan kepada penerbangan terus Xiamen-Penang oleh Xiamen Airline dan meninjau persiapan <i>Xiamen's Marathon</i> .
2.	Penyertaan Ke <i>10th Annual Global Organisation Of Tamil Origin Meet – A Decade Of Excellence</i> Di Chennai, India Dari 5 Hingga 13 Januari 2024.	49,915.00	1. YB Dato' Seri Sundarajoo a/l Somu EXCO Perumahan dan Alam Sekitar; 2. YB Kumaresan a/l Arumugam ADUN Batu Uban; 3. YB Kumaran a/l Krishnan ADUN Bagan Dalam; dan 4. Ahli Majlis MBSP.	Menyediakan platform kepada usahawan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) untuk bersama-sama meneroka peluang ekonomi di mana pemilik perniagaan kecil daripada seluruh dunia akan berpeluang untuk mempamerkan dan mempromosikan produk mereka serta dapat memupuk pertumbuhan ekonomi dalam masyarakat Tamil dan memperkenalkan dan mempromosikan budaya, seni dan warisan masyarakat Tamil ke seluruh dunia.
3.	Penyertaan Ke Program Promosi <i>Penang Roadshow To India</i> Dari 13 Hingga 24 Januari 2024.	51,700.00	1. YB Wong Hon Wai EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif; dan 2. Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang.	Bertemu dengan pengurusan Indigo Airline untuk perbincangan penerbangan terus dari Chennai-Penang dan mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi MICE.
4.	Lawatan Kerja Ke Tapak Pekan Raya Sumatera Utara (Medan Fair) 2024 Di Medan,	12,226.00	1. YB Dato' Haji Rashidi bin Zinol	Dapat melihat dan menganalisis potensi Pavilion Negeri Pulau Pinang bagi penyertaan Medan Fair, mendapat input

LAMPIRAN A

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
	Sumatera Utara Pada 5 Hingga 7 Februari 2024.		<p>EXCO Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar; dan</p> <p>2. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, PSUKPP.</p>	<p>langsung daripada Konsul Jeneral Medan berkenaan hal ehwal ekonomi semasa produk-produk Pulau Pinang di Medan dan menilai potensi penyertaan Medan Fair bagi produk tempatan Pulau Pinang.</p>
5.	Penyertaan Ke Penang Roadshow In Taipei Bersama Penang Global Tourism (PGT) Dari 26 Hingga 31 Mac 2024.	24,350.00	<p>1. YB Wong Hon Wai EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif;</p> <p>2. YB Joseph Ng ADUN Air Itam; dan</p> <p>3. Penang Global Tourism.</p>	<p>Mempromosikan dan mengemas kini produk pelancongan seperti program perniagaan, pendidikan dan pakej perkahwinan, mempromosi pakej Experience Penang di pasaran Taipei, menghubungkan pemain industri pelancongan Pulau Pinang dengan agensi pelancongan tempatan di Bandaraya Taipei untuk membuka lebih banyak peluang perniagaan dan mengekalkan permintaan tinggi kepada kedua-dua syarikat penerbangan untuk perjalanan ke Pulau Pinang.</p>
6.	Lawatan Kerja Ke Kilang Pemasangan Jentera Materials Recovery Facility (MRF) dan Loji Pengurusan Sisa Pepejal Di Qingdao Dan Shanghai, China Dari 20 Hingga 27 Mac 2024.	12,190.00	<p>1. YB H'ng Mooi Lye EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar &amp; Desa; dan</p> <p>2. Bahagian Kerajaan Tempatan, PSUKPP.</p>	<p>Membantu dalam menentukan hala tuju sistem pengurusan sisa pepejal di Pulau Pinang dan mengetahui lebih lanjut tentang kilang pemasangan Materials Recovery Facility (MRF) yang akan dilaksanakan di Integrated Solid Waste Management Centre di Ampang Jajar.</p>
7.	Lawatan Kerja Teknikal Ke Kilang Pengeluar Sistem	Tiada (ditanggung)	<p>1. YB Zairi Khir Johari</p>	<p>Lawatan teknikal ini merangkumi lawatan ke ibu pejabat dan kilang Doppelmayr</p>

LAMPIRAN A

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
	<p>Kereta Kabel Doppelmayr Cable Car GmbH Dan Pengeluar Komponen Lain Sistem Kereta Kabel Di Austria Dan Switzerland Bagi Projek Kereta Kabel Bukit Bendera Dari 21 Hingga 25 April 2024.</p>	<p>oleh Hartasuma Sdn. Bhd. Selaku pihak konsesi projek)</p>	<p>EXCO Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital.</p>	<p>Cable Car GmbH, kilang dan fasiliti CWA Constructions yang merupakan pengeluar gondola, kilang pengeluar kabel (wire rope) iaitu Fatzer AG Wire Ropes serta ke ibu pejabat dan kilang Garaventa AG yang merupakan pembekal sistem funikular Bukit Bendera untuk melihat pembangunan, pemasangan dan pengujian komponen sistem kereta kabel dalam mematuhi piawaian antarabangsa.</p>
8.	<p>Penyertaan Ke Arabian Travel Mart (ATM) Dubai Bersama Penang Global Tourism (PGT) Dari 5 Hingga 8 Mei 2024.</p>	<p>24,482.00</p>	<p>1. YB Wong Hon Wai EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif; dan 2. Penang Global Tourism.</p>	<p>Mempromosi pelancongan di Pulau Pinang terutama melalui penerbangan terus FlyDubai dari Doha ke Pulau Pinang, memperkukuh nama Pulau Pinang di pasaran Timur Tengah dan meneroka peluang pemasaran bagi Pulau Pinang bersama syarikat penerbangan di pasaran Timur Tengah.</p>
9.	<p>Lawatan Kerja Ke 15th International Economic Forum "Russia-Islamic World: Kazan Forum 2024" Di Kazan, Republik Tatarstan Dari 14 Hingga 19 Mei 2024.</p>	<p>36,077.00</p>	<p>1. YB Fahmi bin Zainol EXCO Agroteknologi &amp; Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi.</p>	<p>Memenuhi jemputan Kementerian Ekonomi Persekutuan Russia sebagai tetamu speaker untuk sesi meja bulat antara Kerajaan Persekutuan Russia dan Malaysia, di samping mendapatkan perkembangan terbaru dalam bidang agroteknologi dan keterjaminan makanan selain meneroka peluang untuk menjalin kerjasama antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan</p>

LAMPIRAN A

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
10.	Lawatan Kerja Ke Hong Kong <i>International Dragon Boat Races</i> Dari 13 Hingga 17 Jun 2024 Di Hong Kong.	15,865.00	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Wong Hon Wai EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif;</li> <li>2. Ahli Jawatankuasa <i>Penang International Dragon Boat Festival</i>.</li> </ol>	<p>daerah-daerah dalam Persekutuan Russia yang maju dalam bidang pertanian agar dapat membawa kemajuan dan manfaat kepada sektor pertanian dan penternakan serta industri penghasilan makanan Negeri Pulau Pinang.</p> <p>Mempromosikan <i>Penang International Dragon Boat Festival</i> di Hong Kong, mengekalkan hubungan yang baik dengan Hong Kong Economic Trade Office selaku rakan tajaan utama <i>Penang International Dragon Boat Festival 2023</i> dan 2024 dan mempelajari cara-cara pengendalian kejohanan <i>Hong Kong International Dragon Boat Races</i> untuk digunakan semasa penganjuran <i>Penang International Dragon Boat Festival</i>.</p>
11.	Penyertaan Ke <i>Liaison Meeting For Sister Cities</i> Di Hainan, China Dari 15 Hingga 18 Julai 2024.	8,860.00	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Wong Hon Wai EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif; dan</li> <li>2. YB Wong Yuee Harnng ADUN Pengkalan Kota.</li> </ol>	<p>Mengukuhkan dialog dan kerjasama melalui platform multi-lateral, meningkatkan pertukaran budaya dan meneroka amalan terbaik dalam melindungi tradisi kebudayaan masing-masing dan pembangunan bidang kerajaan tempatan melalui perkongsian idea dan pengalaman.</p>
12.	Lawatan Kerja Ke Chongqing, China Bersama Penang	16,214.00	1. YB Wong Hon Wai	Menganjurkan kedatangan pelancong Negara China ke Pulau Pinang melalui

LAMPIRAN A

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
	Global Tourism (PGT) Dari 16 Hingga 20 September 2024.		<p>EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif; dan</p> <p>2. Penang Global Tourism.</p>	<p>Chongqing yang mempunyai penerbangan terus ke Pulau Pinang, memperkukuh hubungan Malaysia dan China melalui ketersambungan menerusi penerbangan terus yang membolehkan kerjasama dalam pelbagai bidang dan menjalinkan hubungan dengan ejen pelancongan Negara China dan mengekalkan momentum dalam pasaran tempatan. China menjadi pasaran tumpuan yang merupakan salah satu daripada sepuluh negara dengan jumlah ketibaan antarabangsa tertinggi ke Pulau Pinang.</p>
13.	Lawatan Kerja Ke Innotrans 2024 Di Berlin, Jerman Dari 22 Hingga 29 September 2024.	12,320.00	<p>1. YB Zairil Khir Johari EXCO Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital;</p> <p>2. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, PSUKPP; dan</p> <p>3. Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang.</p>	<p>Menambah baik pemahaman dan pengetahuan mengenai sistem pengangkutan dan sistem rel terkini yang dibangunkan di negara-negara maju selaras dengan perancangan Kerajaan Negeri untuk merealisasikan pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan (PIP) Pulau Pinang.</p>
14.	Lawatan Kerja Ke ITB Singapore Di Marina Bay Sands, Singapore Dari 22 Hingga 25 Oktober 2024.	15,375.00	<p>1. YB Wong Hon Wai EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif; dan</p> <p>2. Penang Global Tourism.</p>	<p>Mempromosikan dan mengemaskini produk-produk serta perniagaan, pendidikan dan pelancongan Pulau Pinang dan menghubungkan pemain pelancongan dengan agensi pelancong</p>

LAMPIRAN A

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
15.	Lawatan Kerja Ke Aceh, Indonesia Pada 23 Hingga 25 Oktober 2024.	31,340.00	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Dato' Haji Rashidi bin Zinol EXCO Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar;</li> <li>2. Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan; dan</li> <li>3. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, PSUKPP.</li> </ol>	Menjalinkan hubungan kerjasama di antara pihak YB EXCO MMK Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar bersama pihak pemerintah Aceh, Indonesia.
16.	Persidangan <i>The Twelfth Session Of World Urban Forum (WUF12)</i> Dan Pameran Urban EXPO Bagi <i>Projek Perang Nature-Based Climate Adaption Programme (PNBCAP)</i> Di Cairo, Mesir Serta Lawatan Teknikal Ke Istanbul, Turki Dari 30 Oktober 2024 Hingga 9 November 2024.	280,085.30	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YAB Tuan Chow Kon Yeow Ketua Menteri Pulau Pinang;</li> <li>2. YB Zairil Khir Johari EXCO Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital;</li> <li>3. Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang;</li> <li>4. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang; dan</li> <li>5. Majlis Bandaraya Pulau Pinang.</li> </ol>	Memberi peluang kepada Kerajaan Negeri terutamanya kepada ahli Jawatankuasa Pemandu Projek PNBCAP untuk berkongsi dan menimba ilmu berkenaan pelaksanaan projek PNBCAP di Pulau Pinang serta pendedahan terhadap penggunaan teknologi terkini dalam pelaksanaan projek berasaskan alam semula jadi (nature-based solution) melalui lawatan ke projek-projek yang dilaksanakan oleh Aga Khan Trust for Culture (AKTC) dan Think City di Istanbul bagi tujuan melihat kaedah-kaedah yang diguna pakai di sana yang sesuai untuk diadaptasi di Pulau Pinang.

**LAMPIRAN A**

<b>BIL</b>	<b>NAMA LAWATAN</b>	<b>KOS (RM)*</b>	<b>AHLI MMK DAN ROMBONGAN</b>	<b>IMPAK LAWATAN</b>
17.	Lawatan Kerja Ke India Pada 30 November 2024 Hingga 8 Disember 2024.	45,000.90	1. YB Jagdeep Singh Deo TKM2/ EXCO Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi.	Menjalin hubungan dua hala yang lebih erat serta membincangkan potensi kerjasama, memperkukuhkan pertukaran pengetahuan dan mempromosikan inovasi dalam sektor teknologi dan industri elektronik antara Pulau pinang, Chennai dan Mumbai.

\* Anggaran berdasarkan kelulusan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

SENARAI LAWATAN LUAR NEGARA KETUA MENTERI, AHLI EXCO DAN ROMBONGANNYA PADA TAHUN 2025

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
1.	Lawatan Kerja Dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Ke Heilongjiang, Harbin, China Dari 4 Hingga 9 Januari 2025 Bersama YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.	45,006.00	<ol style="list-style-type: none"> <li>YB H'ng Mooi Lye EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar &amp; Desa; dan</li> <li>Majlis Bandaraya Pulau Pinang.</li> </ol>	Memberi pendedahan kepada delegasi Malaysia untuk mempelajari kaedah merancang pembangunan sesebuah bandar yang berdaya huni, mampan dan pintar di Negara China.
2.	Penyertaan Ke <i>World Tamil Diaspora Day 2025</i> Di Chennai, India Dari 8 Hingga 13 Januari 2025.	80,530.00	<ol style="list-style-type: none"> <li>YB Dato' Seri Sundarajoo a/ EXCO Perumahan dan Alam Sekitar;</li> <li>YB Kumaresan a/ Arumugam ADUN Batu Uban; dan</li> <li>YB Kumaran a/ Krishnan ADUN Bagan Dalam.</li> </ol>	Meraikan, mengiktiraf dan menghargai sumbangan orang Tamil yang tinggal di seluruh dunia di samping mengekalkan identiti budaya mereka dan merupakan satu kesempatan untuk mempelajari dan berkongsi pengalaman dalam pelbagai bidang misalnya seperti bidang teknologi dan inovasi daripada diaspora India yang lain dari pelbagai negara di mana kebanyakan daripada mereka memegang pimpinan jawatan tertinggi di dalam syarikat teknologi global dan kepakaran mereka dalam kecerdasan buatan (AI), robotik dan tenaga boleh diperbaharui dapat memainkan peranan penting dalam kemajuan teknologi di Pulau Pinang.
3.	Lawatan Kerja Ke Hiroshima Pada 22 Hingga 28 Januari 2025.	62,659.05	<ol style="list-style-type: none"> <li>YB Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh</li> </ol>	Menjalin hubungan dua hala yang lebih erat serta membincangkan potensi kerjasama, memperkukuhkan

LAMPIRAN A

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
			TKM2 / EXCO Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi.	pertukaran pengetahuan dan mempromosikan inovasi dalam sektor teknologi dan industri elektronik antara Pulau pinang dan Jepun.
4.	Lawatan Kerja Ke Singapore Chingay Parade 2025 Dari 7 Hingga 8 Februari 2025.	27,633.00	<ol style="list-style-type: none"> <li>YB Wong Hon Wai EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif;</li> <li>YB Wong Yuee Harn ADUN Pengkalan Kota; dan</li> <li>George Town World Heritage Incorporated.</li> </ol>	Mempromosikan perarakan Chingay Pulau Pinang di Singapura dan ruang perkongsian maklumat berkaitan pengendalian Singapore Chingay Parade 2025 untuk diaplikasikan semasa penganjuran Perarakan Chingay Pulau Pinang.
5.	Penyertaan Ke Penang Roadshow In Taiwan Bersama Penang Global Tourism (PGT) Dari 16 Hingga 22 Februari 2025.	29,125.00	<ol style="list-style-type: none"> <li>YB Wong Hon Wai EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif;</li> <li>YB Heng Lee Lee ADUN Berapit; dan</li> <li>Penang Global Tourism.</li> </ol>	Meneroka potensi Secondary City kepada Bandar Taipei. Bandar Taipei ialah tumpuan utama untuk banyak kempen pelancongan antarabangsa, menjadikan pasaran di sana lebih kompetitif dan tepu. Peningkatan ekonomi Bandar Taichung dan Bandar Kaohsiung sebagai bandar kedua dan ketiga terbesar di Taiwan menjadikan penduduknya sebagai pelancong berpotensi kepada Negeri Pulau Pinang.
6.	Penyertaan Ke Kongres Pembangunan Dan Kerjasama Bandar-Bandar Persahabatan Antarabangsa	28,563.00	<ol style="list-style-type: none"> <li>YB Wong Hon Wai EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif; dan</li> </ol>	Mengukuhkan hubungan antarabangsa Pulau Pinang dengan bandar-bandar strategik, khususnya dalam konteks kerjasama ekonomi, pelancongan dan

LAMPIRAN A

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
	Di Chengdu, China Dari 15 Hingga 19 April 2025.		2. YB Chee Yeh Keen ADUN Bagan Jermal.	pembangunan bandar lestari dan mempelajari amalan terbaik dalam pembangunan bandar, yang boleh dijadikan rujukan bagi perancangan dan inisiatif di Pulau Pinang.
7.	Penyertaan Ke Shandong International Friendship Cities Conference For Cooperation And Development 2025 Di Wilayah Shandong, China Dari 26 Hingga 31 Mei 2025.	50,290.00	1. YAB Tuan Chow Kon Yeow Ketua Menteri Pulau Pinang; dan 2. YB Dato' Seri Law Choo Kiang YDP Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.	<p>Persidangan IFCEE SD 2025 merupakan platform antarabangsa bertujuan mencipta satu rangkaian global untuk wakil-wakil negara sahabat bertukar idea dan mengeratkan hubungan diplomatik. Persidangan tersebut menampilkan pelbagai program termasuk sesi dialog antara jabatan kerajaan, sesi perbincangan antara wakil-wakil syarikat, pameran perdagangan dan persembahan budaya tradisional.</p> <p>YAB Tuan Chow Kon Yeow telah menandatangani Memorandum of Understanding (MOU) berkaitan <i>Strengthening Friendly Exchanges and Cooperation between Penang State of Malaysia and Shandong Province of the People's Republic of China</i> bersama Gabenor Wilayah Shandong, YAB Tuan Zhou Naixiang. Majlis bersejarah tersebut mencerminkan komitmen teguh Negeri Pulau Pinang dan Wilayah Shandong dalam memperkukuh</p>

LAMPIRAN A

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
				<p>hubungan dua hala serta memperluas jalinan kerjasama selaras dengan kepentingan bersama demi kemakmuran dan kestabilan serantau.</p> <p>Meluaskan hubungan dua hala dan merapatkan kerjasama dalam sektor perdagangan, pelancongan, sumber tenaga dan lain-lain. Namun, perbincangan lanjut perlu diadakan terlebih dahulu memandangkan ia akan melibatkan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan.</p>
8.	Lawatan Kerja Ke <i>World Expo Osaka 2025</i> di Osaka, Jepun Dari 2 Hingga 6 Jun 2025.	31,555.00	1. YB Fahmi bin Zainol EXCO Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi.	<p>Memenuhi jemputan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk menyertai minggu pertanian lestari yang berlangsung di Pavilion Malaysia dalam <i>World Expo Osaka 2025</i> di samping mendapatkan perkembangan terbaru dalam bidang agroteknologi dan keterjaminan makanan selain meneroka peluang untuk menjalin kerjasama antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan pihak kerajaan dan swasta negara Jepun yang maju dalam bidang teknologi pertanian dan perikanan agar dapat membawa kemajuan dan manfaat kepada sektor penanaman padi serta sayuran dan juga sektor perikanan Negeri Pulau Pinang yang kedua-duanya</p>

LAMPIRAN A

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
9.	Lawatan Teknikal Ke Shenzhen Mindray Bio-Medical Electronics Co. Ltd. Dan Shenzhen Emergency Medical Center, Shenzhen, China Dari 8 Hingga 11 Jun 2025.	10,648.00	1. YB Gooi Zi Sen EXCO Belia, Sukan dan Kesihatan.	merupakan industri pertanian utama negeri.  Memahami model pengurusan yang dilaksanakan dalam perancangan, pemasangan AED di tempat awam, konsep latihan penggunaan AED-CPR dan pengurusan sistematik di Shenzhen yang disampaikan oleh wakil daripada Shenzhen Emergency Medical Centre. Buat masa ini, Negeri Pulau Pinang sedang membangunkan lagi AED di serata tempat.
10.	Lawatan Kerja Teknikal Kedua Ke Kilang Pengeluar Sistem Kereta Kabel Dan Pengeluar Komponen Lain Sistem Kereta Kabel Di Austria Dan Switzerland Bagi Projek Kereta Kabel Bukit Bendera Dari 9 Hingga 16 Jun 2025.	37,519.40 (kos selebihnya ditanggung oleh Hartasuma Sdn. Bhd. selaku pihak konsesi projek)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YAB Tuan Chow Kon Yeow Ketua Menteri Pulau Pinang;</li> <li>2. YB Lee Boon Heng ADUN Kebun Bunga;</li> <li>3. YB Joseph Ng Soon Siang ADUN Ayer Itam;</li> <li>4. Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang;</li> <li>5. Majlis Bandaraya Pulau Pinang; dan</li> <li>6. Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang.</li> </ol>	Mengukuhkan hubungan strategik di antara Kerajaan Negeri dan pembekal utama iaitu Doppelmayr Cable Car GmbH yang merupakan sebagai salah satu peneraju global dalam teknologi kereta kabel serta untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang teknologi yang terkini. Ia merangkumi lawatan ke ibu pejabat dan kilang Doppelmayr Cable Car GmbH, kilang pengeluar gondola iaitu CWA Constructions, kilang pengeluar kabel (wire rope) iaitu Fatzer AG Wire Ropes serta ibu pejabat dan kilang Garaventa AG yang merupakan pembekal sistem funikular.

LAMPIRAN A

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
11.	Lawatan Kerja Ke Singapura Untuk Kunjungan Hormat Kepada Kementerian Kesihatan Singapura Dari 16 Hingga 17 Jun 2025.	8,658.00	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Gooi Zi Sen EXCO Belia, Sukan dan Kesihatan; dan</li> <li>2. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang.</li> </ol>	Memperkuh hubungan dua hala antara kedua-dua kerajaan serta mendapatkan input strategik berkaitan amalan terbaik dalam pelaksanaan program CPR-AED, termasuk dari segi pemantauan keberkesanan penggunaan AED, pencapaian kadar survival, serta integrasi sistem antara sektor kesihatan awam dan komuniti.
12.	Penyertaan Ke Jelajah Promosi Pulau Pinang Di Shenzhen Dan Hong Kong Dari 24 Hingga 29 Jun 2025.	46,640.00	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Wong Hon Wai EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif;</li> <li>2. YB Tan Hooi Peng ADUN Seri Delima; dan</li> <li>3. Penang Global Tourism.</li> </ol>	Mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan utama kepada pasaran berpotensi tinggi seperti Shenzhen dan Hong Kong selaras dengan inisiatif Penang2030 dan mewujudkan jaringan strategik dengan pengusaha tarikan pelancongan dan ejen pelancongan untuk merangsang peningkatan kemasukan pelancong dari China ke Pulau Pinang.
13.	Penyertaan Ke World Summit On The Information Society (WSIS) High-Level Event 2025 Di Geneva, Switzerland Dari 5 Hingga 13 Julai 2025.	90,253.00	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Lim Siew Khim EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam; dan</li> <li>2. Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang.</li> </ol>	Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menerima <i>Champion Award</i> di WSIS 2025 bagi aplikasi mudah alih PSV di bawah Kategori C10: <i>Ethical Dimensions of the Information Society</i> . Aplikasi yang dibangunkan oleh PWDC dengan kerjasama PeGIS ini telah dipilih daripada lebih 970 penyertaan global kerana keberkesanan fungsinya dalam memberi bantuan kepada mangsa keganasan rumah tangga.

LAMPIRAN A

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
				<p>Anugerah ini mengiktiraf inovasi digital Negeri Pulau Pinang dalam menangani cabaran sosial serta mengukuhkan komitmen negeri ke arah membina komuniti yang selamat dan inklusif. Selain itu, delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut mengadakan mesyuarat bersama Pegawai Teknikal World Health Organization (WHO), Dr. Thiago Herrick De Sa bagi membentangkan inisiatif <i>Age-Friendly City Penang Island</i> (AFCPI) dan <i>Age-Friendly City Seberang Perai</i> (AFCSP) serta mendapatkan panduan berhubung proses dan langkah seterusnya dalam usaha penyertaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke Rangkaian Global WHO.</p>
14.	<p>Program Retreat Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) Dan Lawatan Penanda Aras Di Tian Ying Technology Sdn. Bhd. (Subsidiary Of CNTY) Serta Kunjungan Hormat Ke Kedutaan Malaysia Di Hanoi, Vietnam Pada 13 Hingga 16 Julai 2025.</p>	25,720.25	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB H'ng Mooi Lye EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar &amp; Desa;</li> <li>2. Bahagian Kerajaan Tempatan, PSUKPP; dan</li> <li>3. Ahli Majlis MBSP.</li> </ol>	<p>Dapat mempelajari teknologi yang digunakan oleh Syarikat Tian Ying Technology bagi pengurusan operasi sisa pepejal yang boleh dipertimbangkan sebagai salah satu model bagi perancangan jangka panjang di Negeri Pulau Pinang dan dapat meraih manfaat strategik melalui perluasan pelaburan syarikat tempatan di Hanoi, khusus dalam industri semikonduktor.</p>

LAMPIRAN A

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
15.	Lawatan Kerja Ke Singapura Pada 20 Hingga 23 Julai 2025.	21,170.00	1. YB Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh TKM2 / EXCO Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi.	Lawatan ke SMU memberikan perkongsian produktif berkenaan peranan universiti yang membentuk kualiti modal insan di peringkat global. SMU adalah antara universiti yang menyertai komuniti universiti ASEAN di mana Universiti Sains Malaysia (USM) di Pulau Pinang juga adalah ahli aktif dalam komuniti tersebut.
16.	Penyertaan Ke <i>Penang Roadshow In Indonesia</i> Dari 11 Hingga 14 Ogos 2025.	16,600.00	1. YB Wong Hon Wai EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif; dan  2. Penang Global Tourism.	Menyediakan platform kepada pemain industri pelancongan Pulau Pinang untuk menjalin perkongsian dengan agensi dan pembeli Indonesia yang dipercayai dan mempelbagaikan strategi pemasaran dengan meliputi kedua-dua wilayah utara dan tengah Indonesia. Kempen ini menyasarkan pasaran yang lebih luas dan berkembang melangkaui segmen pasaran sedia ada.
17.	Lawatan Kerja Ke Vietnam Bagi Menyertai Mesyuarat Bebas Asap Ke-9 Wilayah Asia Pasifik Dan Kementerian Kesihatan Vietnam Pada 27 Hingga 30 Ogos 2025.	22,020.00	1. YB Gooi Zi Sen EXCO Belia, Sukan dan Kesihatan;  2. YB Wong Yuee Harn ADUN Pengkalan Kota; dan  3. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang.	Mendapat pendedahan mengenai pelaksanaan dan penguatkuasaan dasar bebas asap rokok dan diyakin akan membawa pembangunan dan kemampunan dasar bebas asap rokok Pulau Pinang ke tahap yang lebih tinggi, sekali gus memastikan kesihatan dan keselamatan masyarakat Pulau Pinang.

LAMPIRAN A

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
18.	Lawatan Kerja Ke Universiti Central Queensland (CQ) Dan Pusat Prestasi Sukan Gold Coast, Australia Dari 17 Hingga 24 September 2025.	55,037.00	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Gooi Zi Sen EXCO Belia, Sukan dan Kesihatan;</li> <li>2. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, PSUKPP; dan</li> <li>3. Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang.</li> </ol>	Mempelajari pengurusan serta tatacara pengurusan pencegahan risiko kecederaan atlet, pengurusan prestasi sukan dan pendedahan sains sukan untuk meningkatkan prestasi sukan atlet-atlet di Negeri Pulau Pinang dan mempelajari tatacara penganjuran program sukan berprestasi tinggi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
19.	Penyeretaan Ke Minggu Pulau Pinang di Ekspo Dunia Osaka 2025 Dari 22 Hingga 27 September 2025	2,145,470.69 (termasuk 1.4 juta kos ditanggung PDC)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YAB Tuan Chow Kon Yeow Ketua Menteri Pulau Pinang;</li> <li>2. YB Jagdeep Singh a/l Karpal Singh TKM2 / EXCO Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi;</li> <li>3. YB Zairil Khir Johari EXCO Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital;</li> <li>4. YB H'ng Mooi Lye EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar &amp; Desa;</li> <li>5. YB Wong Hon Wai EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif;</li> <li>6. YB Puan Lim Siew Khim</li> </ol>	<p>Minggu Pulau Pinang di Ekspo Dunia Osaka 2025 telah berlangsung dari 22 September 2025 sehingga 27 September 2025. Kos keseluruhan yang ditanggung oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bagi penganjuran program ini adalah sebanyak RM1.4 juta, menggunakan peruntukan yang telah diluluskan. Selain itu, MITI melalui BPEN turut menanggung kos sebanyak RM220,000.00 bagi sokongan program.</p> <p>Penganjuran Minggu Pulau Pinang (Penang Week) di Pavilion Malaysia sempena World Expo 2025 Osaka telah memberi impak positif yang signifikan kepada imej dan ekonomi negeri Pulau Pinang di peringkat antarabangsa. Program ini berjaya memperkukuh</p>

LAMPIRAN A

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
			<p>EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam;</p> <p>7. YB Goh Choon Aik ADUN Bukit Tambun;</p> <p>8. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang;</p> <p>9. Pejabat Ketua Menteri;</p> <p>10. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, PSUKPP;</p> <p>11. Bahagian Kerajaan Tempatan, PSUKPP;</p> <p>12. Bahagian Kawal Selia Air, PSUKPP;</p> <p>13. Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang;</p> <p>14. Majlis Bandaraya Pulau Pinang;</p> <p>15. Majlis Bandaraya Seberang Perai;</p> <p>16. PlanMalaysia;</p> <p>17. InvestPenang;</p>	<p>kedudukan Pulau Pinang sebagai hab pelaburan berteknologi tinggi, pusat inovasi dan destinasi pelancongan budaya yang terkemuka di rantau ini.</p> <p>Dari segi impak ekonomi, Penang Week telah membuka peluang kerjasama strategik dengan pelabur dan syarikat antarabangsa melalui 20 sesi padanan perniagaan (business matching) yang melibatkan syarikat dari Jepun. Sepanjang program ini, tiga (3) Memorandum Persefahaman (MoU) turut ditukar antara Penang Development Corporation (PDC) dan pelabur asing, melibatkan nilai pelaburan berpotensi berjumlah RM426 juta, iaitu dengan FedEx (RM153 juta), DHL (RM153 juta) dan Shizen International &amp; Atlantic Blue (RM120 juta).</p> <p>Dari aspek promosi antarabangsa, program ini telah memperkenalkan kekuatan Pulau Pinang melalui pelbagai aktiviti seperti demonstrasi masakan tempatan, serta pameran syarikat dan usahawan Pulau Pinang dalam sektor semikonduktor, halal dan pelancongan. Penyertaan ini turut memperkukuh jaringan pelaburan, pelancongan dan diplomasi perdagangan antara Pulau</p>

LAMPIRAN A

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
			<p>18. Penang Halal International; dan</p> <p>19. Penang Global Tourism.</p>	<p>Pinang dan Jepun, serta memposisikan negeri ini sebagai destinasi utama untuk pelaburan berkualiti tinggi dan pelancongan berasaskan warisan.</p> <p>Selain itu, warisan budaya tidak ketara Pulau Pinang turut diketengahkan melalui pertunjukan fesyen kebaya Nyonya dan batik, yang diadakan setiap petang di pentas Pavilion Malaysia. Persembahan ini berjaya menarik perhatian pengunjung antarabangsa dengan menampilkan keanggunan dan kehalusan seni busana tradisional Pulau Pinang. Kejayaan kebaya Nyonya yang telah diiktiraf sebagai Warisan Budaya Tidak Ketara UNESCO pada Disember 2024 menjadi pemangkin kepada usaha Kerajaan Negeri untuk terus memartabatkan warisan ini di pentas global. Sambutan luar biasa daripada para pengunjung membuktikan bahawa warisan budaya Pulau Pinang bukan sahaja kaya dengan nilai estetik, tetapi juga mampu memperkukuh imej negeri ini sebagai destinasi pelancongan budaya bertaraf dunia.</p> <p>Sepanjang tempoh penganjurannya, Pavilion Malaysia di World Expo 2025 Osaka tersebut menerima sambutan luar</p>

LAMPIRAN A

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
20.	Kunjungan Hormat Ke Atas Pihak Jabatan Perikanan Thailand dan National Bureau of Agricultural Commodity and Food Standards (ACFS) di Bangkok, Thailand Pada 26 September 2025.	10,672.00	1. YB Fahmi bin Zainol EXCO Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi.	biasa dengan jumlah pengunjung yang amat memberangsangkan. Sehubungan itu, pelaksanaan program jelajah "Not The Penang You Know" di Osaka adalah amat bertepatan pada masanya, kerana ia dapat memanfaatkan momentum dan minat tinggi rakyat Jepun terhadap Malaysia yang tercetus melalui pameran Pavilion Malaysia di World Expo 2025 Osaka. Inisiatif ini bertujuan untuk mengekalkan minat tersebut dengan menggalakkan pelancong Jepun memilih Malaysia, khususnya Pulau Pinang, sebagai destinasi pelancongan pilihan mereka.
21.	Program Pemukiman Kajian Semula Keberkesanan Projek Tahun 2025 Dan Perancangan Strategik Tahun 2026 Jawatankuasa MMK Agroteknologi & Keterjaminan Makanan Dan Pembangunan	49,920.00	1. YB Fahmi bin Zainol EXCO Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi;  2. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, PSUKPP;	Membincangkan isu sekatan eksport ikan siakap yang dikenakan oleh Kerajaan Thailand kepada penternak ikan di Negeri Pulau Pinang.  Program ini melibatkan penyusunan gerak kerja dan perancangan strategik bagi projek dan aktiviti berimpak tinggi yang dapat mengembangkan prestasi bidang agroteknologi dan keterjaminan makanan di Negeri Pulau Pinang untuk tahun 2026, khususnya dalam

LAMPIRAN A

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
	Koperasi Di Medan, Indonesia Pada 8 Hingga 10 Oktober 2025.		<ol style="list-style-type: none"> <li>3. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang;</li> <li>4. Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang;</li> <li>5. Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang;</li> <li>6. Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Pulau Pinang;</li> <li>7. FAMA Negeri Pulau Pinang;</li> <li>8. IADA Negeri Pulau Pinang;</li> <li>9. MARDI Negeri Pulau Pinang;</li> <li>10. MAQIS Negeri Pulau Pinang; dan</li> <li>11. LKIM Negeri Pulau Pinang.</li> </ol>	merancang senarai permohonan projek khas yang akan dibentang kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) selain mencontohi daya tarikan destinasi agropelancongan di Medan, Indonesia untuk dijadikan model rujukan bagi pengoperasian tapak Penang Durian Valley @ Relau yang sedang dibangunkan oleh Pihak Berkuasa Koridor Utara (NCIA).
22.	Penyertaan Ke Malaysia International Halal Showcase Di Shanghai, China (MIHAS@Shanghai 2025) Dari 4 Hingga 7 November 2025.	38,560.80	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid TKM1 / EXCO Pembangunan Agama Islam, Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Perpaduan Masyarakat;</li> <li>2. YB Dato' Haji Rashidi bin Zinol</li> </ol>	Mempromosikan Pulau Pinang sebagai hab halal serantau, menarik pelaburan dan kerjasama antarabangsa khususnya dalam sektor halal dan menyaksikan pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara dua (2) syarikat dari Pulau Pinang iaitu Nashmir Capsule Sdn Bhd bersama Jiagsu

LAMPIRAN A

BIL	NAMA LAWATAN	KOS (RM)*	AHLI MMK DAN ROMBONGAN	IMPAK LAWATAN
			<p>EXCO Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar; dan</p> <p>3. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, PSUKPP.</p>	<p>Zhouyu Glasses Co. dengan nilai RM21 juta (5 tahun) dan Syarikat Hang Tuah Sdn Bhd dengan King Sight (GZ) Co Ltd dengan nilai RM2 juta (2 tahun).</p> <p>Memberi peluang dan platform kepada usahawan-usahawan Pulau Pinang mengembangkan lagi produk mereka ke persada dunia dan mempromosi produk agromakanan dan koperasi dari Negeri Pulau Pinang ke pasaran China sempena MIHAS@Shanghai 2025.</p>

\* Anggaran berdasarkan kelulusan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXIII)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH  
YB LIM GUAN ENG**

15. Nyatakan jumlah peruntukan yang diberikan untuk Penang Digital Library dan Butterworth Digital Library setiap tahun sejak ia mula beroperasi.
- (a) Nyatakan masalah yang dihadapi dalam aspek kelajuan internet.
  - (b) Adakah waktu operasi akan dipanjangkan?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

15. Perpustakaan Digital Pulau Pinang di bawah pengurusan Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) terdiri daripada tiga (3) buah cawangan iaitu Perpustakaan Digital Pulau Pinang (PDL), Perpustakaan Digital Butterworth (BDL) dan Perpustakaan Digital Batu Maung (BMDL).

Kos pengurusan perpustakaan digital ini ditanggung melalui Peruntukan Mengurus CMI, yang merangkumi pembayaran gaji bagi empat (4) orang kakitangan tetap dan lima belas (15) orang sukarelawan, bayaran bagi perkhidmatan kawalan keselamatan, perkhidmatan pembersihan, bayaran bil utiliti termasuk elektrik dan air, bayaran bagi penyelenggaraan sistem teknologi maklumat serta penyelenggaraan bangunan. Anggaran kos pengoperasian keseluruhan bagi ketiga-tiga cawangan adalah sebanyak RM1.5 juta setahun.

- (a) Setakat ini, tiada sebarang masalah yang dilaporkan berkaitan kelajuan internet di ketiga-tiga cawangan perpustakaan digital tersebut.  
Kelajuan internet yang disediakan adalah seperti berikut:
- (i) Perpustakaan Digital Pulau Pinang (PDL) dengan kelajuan internet 300 *Megabits per second* (Mbps) (3 talian);
  - (ii) Perpustakaan Digital Batu Maung (BMDL) dengan kelajuan internet 300 Mbps; dan
  - (iii) Perpustakaan Digital Butterworth (BDL) dengan kelajuan internet 50 Mbps (*dedicated metro-e*).
- (b) Waktu operasi PDL dan BDL dibuka dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 malam setiap hari termasuk cuti umum, manakala BMDL beroperasi dari jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam setiap hari termasuk cuti umum, selaras dengan waktu operasi bangunan Southbay Plaza.

Pada masa ini, tiada cadangan untuk memanjangkan waktu operasi kesemua perpustakaan digital tersebut kerana waktu operasi semasa adalah ideal dan selaras dengan keperluan pengguna, jika dibandingkan dengan perpustakaan lain.

Kerajaan Negeri melalui CMI sentiasa berusaha memastikan pengurusan dan penyediaan perpustakaan digital berjalan dengan cekap, teratur dan selamat, serta dapat memberi akses yang optimum kepada masyarakat Pulau Pinang bagi tujuan pendidikan, pembelajaran dan pembangunan sumber manusia.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXIII)16**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH  
YB LIM GUAN ENG**

16. Nyatakan kedudukan defisit kewangan Kerajaan Negeri terkini.
- (a) Nyata kemajuan usaha-usaha kewangan untuk menebus balik pendapatan hasil RM1 bilion yang telah dibelanjakan dalam 5 tahun kebelakangan ini.

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

16. Sehingga 27 Oktober 2025 , Kerajaan Negeri mencatatkan surplus semasa sebanyak RM218,895,004.10, menjadikan baki Akaun Hasil Disatukan (AHD) adalah sebanyak RM374,839,789.63, berbanding baki awal tahun 2025 AHD sebanyak RM155,944,785.53. Prestasi ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk meningkatkan semula baki AHD melalui strategi peningkatan hasil negeri, di samping melaksanakan perbelanjaan secara ideal.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXIII)17**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH  
YB LIM GUAN ENG**

17. Nyatakan jumlah peruntukan kepada Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) dan sama ada ia boleh dinaikkan kepada tahap 10% apa yang diperuntukkan untuk agama Islam demi menampung keperluan mereka yang bukan beragama Islam?

**YB LIM SIEW KHIM**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Berdasarkan statistik Bantuan Kewangan Tabung Amanah / Peruntukan Khas Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Negeri Pulau Pinang yang direkod oleh Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang, sebanyak RM6,109,000.00 peruntukan telah disalurkan kepada 175 buah RIBI bagi kegunaan kerja-kerja pembinaan, penyelenggaraan dan kecemasan dari tahun 2024 sehingga kini.

<b>TAHUN</b>	<b>AMAUN (RM)</b>	<b>JUMLAH ( RIBI)</b>
2024	3,614,000.00	97
2025	2,495,000.00	78
<b>JUMLAH</b>	<b>6,109,000.00</b>	<b>175</b>

Kerajaan Negeri telah berkomited dalam Manifesto 40 untuk menyalurkan peruntukan berjumlah RM10juta sepanjang tahun 2023 hingga 2028 melalui tabung ini bagi tujuan penyelenggaraan dan naik taraf Rumah Ibadat Bukan Islam . Setakat ini, jumlah dana sedia ada adalah mencukupi untuk memenuhi permohonan yang diterima. Oleh itu, tiada keperluan buat masa ini untuk menaikkan peruntukan tahap 10% setahun.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXIII)18**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH  
YB LIM GUAN ENG**

18. Nyatakan bilangan pemilik yang masih ada dalam tapak RIBI di Ampang Jajar.
- (a) Adakah suatu standard pembinaan RIBI bertaraf antarabangsa dan tempoh waktu yang ditetapkan untuk siapnya pembinaan agar ia tidak menjadi tanah terbiar atau pembinaan yang kucar-kacir?

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Kerajaan Negeri telah memberimilik 31 lot tanah kepada Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) untuk ditawarkan kepada persatuan-persatuan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI). Setakat ini, sebanyak 24 persatuan RIBI telah menerima tawaran pajakan tanah dan sehingga September 2025, 11 persatuan RIBI telah mengemukakan Pelan Bangunan kepada Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk kelulusan pembinaan RIBI masing-masing. (Senarai RIBI adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Baki tujuh (7) plot tanah yang ditolak oleh persatuan RIBI akan digunakan sebagai kawasan tempat letak kereta.
- (a) Pembinaan RIBI di Ampang Jajar dilaksanakan mengikut reka bentuk yang disediakan oleh setiap persatuan RIBI berdasarkan konsep dan kepercayaan agama masing-masing, selaras dengan garis panduan MBSP. Setiap persatuan RIBI telah diberikan tempoh sehingga lima (5) tahun dari tarikh menandatangani Perjanjian Pajakan

untuk penyediaan pelan bangunan dan pelaksanaan pembangunan RIBI sebagai salah satu syarat dalam Perjanjian Pajak Tanah. CMI turut memantau kemajuan pembangunan di tapak bagi memastikan tiada tanah terbiar.

Senarai Persatuan Membuat Permohonan Pelan Bangunan

Bil.	Plot	Persatuan
1	PT599	FGA Church Prai
2	PT600	Local Spiritual Assembly Of The Bahai's Of Seberang Perai
3	PT602	Paramita Buddhist Association
4	PT603	Pertubuhan Penganut Dewa Kuan San Gong Ang Hai Gi
5	PT604	Pertubuhan Keturunan See Pulau Pinang
6	PT607	Pertubuhan Penganut Agama Buddha Zheng Xin
7	PT610	Pertubuhan Penganut Dewa Feng Shan Si Bao Gong
8	PT612	Penganut Dewa Ji Gong (Ji Shi Miao)
9	PT623	Butterworth Chinese Methodist Church
10	PT625	Pertubuhan Penganut Dewa Yin Fu Dian Dai Er Yer Bo
11	PT630	Penang Christian Centre

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXIII)19**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH  
YB LIM GUAN ENG**

19. Nyatakan kedudukan wang pendahuluan RM100 juta daripada Kerajaan Persekutuan, maksud penggunaannya dan bilakah jumlah ini akan dipulangkan serta adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menambah wang pendahuluan ini lagi daripada Kerajaan Persekutuan?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

19. Permohonan Pendahuluan sebanyak RM100 juta daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Kerajaan Persekutuan adalah selaras dengan Perkara 109(6) Perlembagaan Persekutuan yang kemudiannya akan ditolak (*off-set*) daripada jumlah pemberian persekutuan yang akan datang. Dalam hubungan ini, Kementerian Kewangan (MOF) telah menyalurkan sebanyak RM100 juta kepada Kerajaan Negeri pada tahun 2024 dan tindakan *off-set* akan dilaksanakan mulai tahun 2027 hingga 2029 tiga (3) tahun seperti berikut:

<b>Sumber Off Set</b>	<b>Tahun 1 (2027) (RM Juta)</b>	<b>Tahun 2 (2028) (RM Juta)</b>	<b>Tahun 3 (2029) (RM Juta)</b>
Bayaran Perkhidmatan	5	5	5
Senarai Bersama	15	15	15
TAHAP	3	3	3
<i>Capitation Grant</i>	10	10	11
<b>JUMLAH</b>	<b>33</b>	<b>33</b>	<b>34</b>

Pada masa ini, terimaan pendahuluan sebanyak RM100 juta tersebut belum diperakaunkan sebagai Hasil Negeri, tetapi direkodkan ke dalam Akaun Amanah Jabatan Kewangan Negeri (JKN). Memandangkan Akaun Hasil Disatukan (AHD) Negeri sedang menunjukkan momentum pertumbuhan yang positif, JKN hanya akan melaksanakan pelarasan ke AHD mulai tahun 2027 hingga 2029 berdasarkan jumlah persetujuan *off-set* seperti jadual di atas. Tindakan ini akan memastikan Kerajaan Negeri dapat menampung kekurangan terimaan daripada Kerajaan Persekutuan bagi tahun-tahun tersebut, sekaligus tidak menjejaskan perancangan perbelanjaan negeri. Oleh itu, Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk memohon pendahuluan tambahan daripada Kerajaan Persekutuan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXIII)20**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH  
YB LIM GUAN ENG**

20. Nyatakan pihak mana yang memenangi pembidaan tender terbuka semula ke atas penjualan 559 ekar tanah di Byram / Changkat, Seberang Perai Selatan serta butiran lanjut tentang urusan tanah tersebut.

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

20. Berdasarkan keputusan Mesyuarat Lembaga Tawaran Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) (A) Bilangan 5/2025 yang bersidang pada 22 Julai 2025, mesyuarat telah bersetuju untuk menerima tawaran daripada sebuah syarikat konsortium berkaitan dan kini dalam proses memuktamadkan perjanjian.

Pihak PDC akan membuat pengumuman rasmi setelah pihak syarikat tersebut menandatangani perjanjian bersama PDC.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXIII)21**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH  
YB LIM GUAN ENG**

21. Nyatakan jumlah bangunan Kerajaan Negeri yang usang dan uzur dalam kawasan Parlimen Bagan.
- (a) Apakah rancangan dan perbelanjaan yang diperlukan untuk memperbaiki dan memulihkannya?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

21. Untuk makluman, terdapat 15 unit kuarters lama milik Jabatan Kerja Raya (JKR) yang terletak di kawasan Parlimen Bagan dan telah dikenal pasti sebagai bangunan usang serta tidak diduduki.

Bagi memastikan keselamatan awam, kawasan kuarters berkenaan telah dipagarkan (hoarding) bagi mengelakkan sebarang pencerobohan atau kejadian tidak diingini.

Buat masa ini, pihak JKR telah memohon peruntukan untuk melaksanakan kerja-kerja *survey* bagi tujuan menaik taraf kuarters-kuarters tersebut.

Dalam masa sama, terdapat 31 unit kuarters usang di bawah seliaan PDT SPU yang terletak di Jalan Bagan Luar, Jalan St. Mark dan Jalan Loader, Butterworth yang telah mendapat pengesahan tidak selamat diduduki dan disyorkan roboh oleh pihak JKR kerana keadaan bangunan adalah terlalu uzur.

- (a) Terdapat beberapa cadangan sekiranya bangunan kuarters ini dirobohkan iaitu:

- (i) Pembangunan semula kuarters penjawat awam jenis bertingkat;
- (ii) Pembinaan taman awam/ kawasan hijau; dan
- (iii) RFP cadangan pembangunan baru (tertakluk kepada Rancangan Kerajaan Negeri).

Untuk makluman juga, lain-lain bangunan di sekitar Jalan Bagan Luar iaitu bangunan yang diduduki oleh jabatan Persekutuan adalah merupakan tanah PTP yang terletak di bawah bidang kuasa JKPTG.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXIII)22**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH  
YB LIM GUAN ENG**

22. Nyatakan sama ada pihak Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan masih dibenarkan menyewa dewan yang mereka bina dengan dana masyarakat Cina untuk jamuan makan malam tanpa batasan hidangan daging khinzir atau minuman alkohol seperti yang diamalkan sebelum ini.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) pada 24 Oktober telah memutuskan dan bersetuju untuk mengekalkan garis panduan serta amalan sedia ada berhubung penganjuran program dan penyaluran sumbangan kepada sekolah dan ini juga selaras dengan keputusan MJM pada 24 Julai 2024.

Pada masa sama, Jemaah Menteri turut menegaskan bahawa amalan sedia ada di dewan sekolah yang dikendalikan oleh Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) serta dewan-dewan sekolah swasta adalah tidak terjejas.

Pendekatan ini selaras dengan amalan yang telah diterima dan dilaksanakan oleh pentadbiran-pentadbiran terdahulu, termasuk kerajaan sebelum ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXIII)23**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH  
YB LIM GUAN ENG**

23. Nyatakan sama ada kelulusan telah diberikan untuk Pelan Bangunan Pusat Pendidikan Antarabangsa Tzu-Zhi Malaysia di Batu Kawan yang berharga RM300 juta.
- (a) Apakah sokongan yang akan diberikan untuk projek yang akan menjadi suatu tarikan pelancongan?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

23. Pelan Bangunan bagi Pusat Pendidikan Antarabangsa Tzu-Zhi Malaysia di Batu Kawan masih belum dikemukakan. Manakala bagi Pelan Kebenaran Merancang yang telah diluluskan pada 8.4.2021 telah tamat tempoh.
- (a) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan dapat memberi khidmat sokongan untuk projek ini melalui:
- (i) Panduan teknikal dan perundangan: Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) akan memberi nasihat berkaitan pematuhan kepada undang-undang berkaitan seperti Akta Perancang Bandar dan Desa, Akta Jalan, Parit dan Bangunan, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam dan lain lain undang - undang bagi mempercepatkan dan mempermudah proses permohonan melibatkan Pelan Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan, Pelan Jalan Dan Parit serta permohonan lesen premis; dan

- (ii) Khidmat nasihat pra-permohonan: MBSP menyediakan sesi rundingan awal (pre-consultation) untuk membantu pemohon memahami keperluan teknikal.

Pusat Pendidikan Antarabangsa Tzu-Zhi Malaysia di Batu Kawan berpotensi menjadi tarikan pelancongan berasaskan pendidikan dan kesejahteraan di bawah inisiatif StudyPENANG. Projek ini memberi tumpuan kepada pembangunan lestari serta mengamalkan pendekatan holistik yang menekankan pembelajaran komuniti. Ia dijangka menjadi pusat pembelajaran dan refleksi masyarakat yang menggabungkan nilai kemanusiaan, pendidikan dan pelancongan untuk manfaat generasi akan datang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXIII)24**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH  
YB LIM GUAN ENG**

24. Nyatakan jumlah yang diluluskan setiap tahun sejak 2018 untuk projek-projek mengekalkan ciri warisan bersejarah dalam kawasan Parlimen Bagan, khususnya Butterworth Art Walk di Jalan Bagan Luar.
- (a) Apakah rancangan baharu dan kos terbabit?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Sejak tahun 2018, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dengan kerjasama Think City, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah melaksanakan beberapa projek bagi mengekalkan serta memulihara ciri warisan bersejarah di kawasan Parlimen Bagan, khususnya di sekitar Butterworth Art Walk, Jalan Bagan Luar.

Jumlah peruntukan yang telah diluluskan bagi tempoh tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

- (a) Bagi tahun 2025, projek baharu yang sedang dalam pelaksanaan di bawah inisiatif pengekalan ciri warisan di kawasan Butterworth Art Walk ialah:

Cadangan Kerja Membaik Pulih Mural dan Lampu Hiasan bagi Kreativiti Seni Lorong Belakang dan Lorong Sisi, Lorong Bagan Luar 2, 12000 Butterworth, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. Projek ini melibatkan kerja-kerja membaik pulih mural sedia ada yang telah lusuh,

menambah pencahayaan hiasan di lorong belakang serta menaik taraf kemudahan asas bagi menghidupkan semula suasana seni jalanan di kawasan tersebut. Jumlah kos yang diperuntukkan bagi pelaksanaan projek ini ialah RM250,000.00, yang dibiayai melalui peruntukan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

**LAMPIRAN A**

<b>Bil.</b>	<b>Nama Projek</b>	<b>Tahun Siap</b>	<b>Jumlah Peruntukan (RM)</b>
1	Kerja- Kerja Naik Taraf Kolam Renang, Lebuh Benggali, Butterworth	2019	490,000.00
2	Kerja-Kerja Naik Taraf Bangunan MARA, Jalan Pasar, Butterworth	2019	1,800,000.00
3	<i>Butterworth Digital Library</i>	2019	6,099,817.24
4	Kerja-Kerja Naik Taraf Gelanggang Serbaguna dan Tempat Letak Kereta ( <i>Hardcourt</i> ) Serta Kerja Berkaitan di atas Lot 3452 Lebuh Kampung Benggali, Butterworth	2024	435,762.00
5	Kerja-Kerja Naik Taraf Taman Pantai di atas Lot 2431 Butterworth	2024	650,000.00
6	Kerja-Kerja Naik Taraf Butterworth Art Walk Fasa I	2024	95,000.00
7	Kerja-Kerja Menaiktaraf Butterworth Art Walk di Lorong Belakang Bagan Luar 2, 12000 Butterworth, Seberang Perai Utara Serta Lain2 Kerja Yg Berkaitan Untuk Majlis Bandaraya Seberang Perai	2024	210,000.00
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>9,780,579.24</b>

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXIII)25**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH  
YB LIM GUAN ENG**

25. Nyatakan hasil permohonan Zon Kewangan Khas Pulau Pinang kepada Kerajaan Persekutuan dan sebabnya ia tidak diluluskan, kos yang dibelanjakan untuk permohonan tersebut serta apakah rancangan seterusnya untuk menjayakannya?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

25. (i) Konsep dan Mekanisme Penubuhan PIFC

Cadangan Penang International Financial Centre (PIFC) merupakan inisiatif strategik Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memperkukuh ekosistem kewangan negeri dan memacu pertumbuhan ekonomi berasaskan pengetahuan dan teknologi tinggi.

Tiga teras utama PIFC ialah:

- (a) Dana Pelaburan Industri Negeri (State Sovereign Wealth Fund)

Menggunakan hasil negeri seperti tanah untuk menjana modal pelaburan tanpa perlu kelulusan langsung daripada Kerajaan Persekutuan.

- (b) Pendigitalan Harta Tanah

Menukar aset tanah milik negeri kepada Amanah Pelaburan Harta Tanah (REIT) bagi menarik pelabur swasta.

(c) Pembangunan Fizikal Hab Kewangan

Mewujudkan zon khas dengan infrastruktur moden dan ekosistem perniagaan digital, disokong oleh pusat data, fintech, dan perkhidmatan sokongan profesional.

(ii) Status Permohonan dan Respons Kerajaan Persekutuan

Selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan, kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan adalah diperlukan sekiranya cadangan penubuhan Penang International Financial Centre (PIFC) melibatkan dana luar atau pelaburan syarikat antarabangsa yang tertakluk kepada dasar kewangan Malaysia.

Kerajaan Negeri telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bagi mewujudkan Zon Kewangan Khas Pulau Pinang. Permohonan tersebut tidak melibatkan sebarang kos kepada Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun, MOF telah memaklumkan bahawa pada masa ini tiada perancangan dasar untuk menubuhkan Pusat Kewangan Antarabangsa di Malaysia. MOF juga menjelaskan bahawa cadangan untuk menubuhkan kumpulan kerja (*working group*) yang terdiri daripada wakil Kerajaan Negeri Pulau Pinang, MOF, Bank Negara Malaysia dan agensi berkaitan tidak disokong, memandangkan kementerian berkenaan belum mempunyai sebarang dasar khusus berhubung penubuhan Pusat Kewangan Antarabangsa di Malaysia.

(iii) Lokasi dan Tapak Cadangan

Penentuan lokasi bagi Pusat Kewangan Antarabangsa Pulau Pinang (PIFC) memerlukan pertimbangan yang menyeluruh serta perbincangan lanjut bersama pihak-pihak berkepentingan, khususnya melibatkan implikasi perundangan, kewangan dan keperluan industri.

Sebagai perbandingan, pusat kewangan antarabangsa utama di luar negara mengambil masa sehingga tujuh (7) tahun sebelum dapat beroperasi sepenuhnya. Oleh yang

demikian, proses pemilihan lokasi bagi PIFC akan dilaksanakan secara berhati-hati, berfasa dan berasaskan kepada analisis kesesuaian serta keperluan pasaran semasa.

Cadangan penubuhan PIFC di Ampang Jajar seluas kira-kira 40 hektar adalah amat dihargai dan akan dipertimbangkan bersama lokasi-lokasi lain yang turut dikenal pasti berpotensi, selaras dengan perancangan pembangunan negeri bagi memastikan keseimbangan pertumbuhan antara kawasan pulau dan Seberang Perai.

(iv) Justifikasi dan Manfaat Ekonomi kepada Negeri

Penubuhan Penang International Financial Centre (PIFC) diunjurkan menjadi pemangkin ekonomi baharu Pulau Pinang, dengan memberi tumpuan kepada integrasi antara industri semikonduktor dan sektor kewangan digital.

Inisiatif ini dilihat sebagai langkah strategik bagi mengukuhkan kedudukan Pulau Pinang sebagai hab ekonomi berteknologi tinggi dan berdaya saing di rantau ini.

Antara manfaat utama ekonomi yang dijangka diperoleh melalui pelaksanaan PIFC ialah:

(a) Peningkatan Rantaian Nilai Industri (Upgrading Value Chain)

Pembiayaan aktiviti bernilai tinggi melalui PIFC berpotensi menarik modal teroka dan ekuiti persendirian bagi menyokong aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), reka bentuk litar bersepadu, serta pengkhususan perkhidmatan kejuruteraan.

Pendekatan ini sejajar dengan aspirasi Strategi Semikonduktor Nasional (NSS) untuk membawa industri Malaysia ke tahap rantaian nilai yang lebih tinggi.

(b) Menarik dan Menahan Modal serta Bakat Berkualiti Tinggi

Pusat kewangan antarabangsa berupaya menyediakan infrastruktur institusi dan ekosistem pelaburan yang diperlukan untuk menarik dana antarabangsa berskala besar. Kewujudan PIFC bukan sahaja menyokong sektor pembuatan berteknologi tinggi tetapi turut memperkukuh perkhidmatan sokongan profesional, di samping mencipta peluang pekerjaan berkemahiran tinggi untuk rakyat tempatan serta mengurangkan masalah penghijrahan bakat (brain drain).

(c) Perintis Inovasi Kewangan Digital (Digital Financial Innovation)

PIFC dijangka berfungsi sebagai platform kewangan digital serantau yang membezakan Pulau Pinang daripada pusat kewangan antarabangsa lain dengan memberi tumpuan kepada teknologi kewangan (FinTech) dan integrasi industri berasaskan data, automasi serta kecerdasan buatan (AI).

(v) Peluang Pekerjaan dan Pemerksaan Ekonomi Setempat

Pembangunan PIFC akan menjana pelbagai peluang pekerjaan baharu dalam sektor kewangan, ICT, kejuruteraan dan perkhidmatan teknikal. Secara langsung, ia akan memperkukuh aktiviti ekonomi setempat melalui pembangunan infrastruktur moden, ekosistem digital menyeluruh serta peningkatan taraf hidup rakyat.

(vi) Pelan Susulan dan Arah Hala Tuju

Walaupun cadangan asal tidak disokong oleh MOF, Kerajaan Negeri tidak menghentikan usaha tersebut. Melalui Penang Institute, kajian kebolehlaksanaan sedang dijalankan bagi memperincikan model ekonomi

dan potensi PIFC sebagai hub kewangan digital serantau. Langkah-langkah susulan termasuk:

- (a) Meneruskan libat urus dengan agensi kewangan, pelabur dan pemaju hartanah strategik.
- (b) Menumpukan kepada inisiatif fintech dan kewangan digital yang tidak bertindih dengan pusat kewangan sedia ada.
- (c) Menyusun semula strategi pelaksanaan PIFC secara berfasa dan berdikari, dengan sokongan dana negeri serta kerjasama sektor swasta.

## RUMUSAN

Secara keseluruhannya, PIFC merupakan aspirasi jangka panjang Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadikan negeri ini sebagai pusat kewangan digital dan teknologi baharu yang menyokong ekonomi berpendapatan tinggi.

Walaupun belum mendapat kelulusan dasar di peringkat Persekutuan, inisiatif ini akan terus diperhalusi melalui pendekatan fasa pembangunan, inovasi kewangan digital dan perkongsian strategik awam-swasta, agar Pulau Pinang kekal sebagai peneraju pembangunan ekonomi moden negara.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXIII)26**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH  
YB LIM GUAN ENG**

26. Nyatakan nilai bangunan Harmonico mengikut harga pasaran masa kini, perbelanjaan untuk membangunkannya, jumlah wang peruntukan setiap tahun sejak 2018, bilangan anggota stafnya serta apakah rancangan pembangunan seterusnya?

**YB LIM SIEW KHIM**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM2.5 juta bagi membangunkan Pusat Harmoni yang kini digunakan oleh Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO), sebuah anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri. Pada asalnya, bangunan tersebut merupakan kuarters kerajaan, namun telah diubah suai dan ditukar fungsi sebagai Pusat Harmoni bagi tujuan pengurusan hal ehwal agama selain Islam. Buat masa ini, penilaian bangunan belum dilaksanakan. Walau bagaimanapun, permohonan bagi tujuan penilaian telah dikemukakan kepada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).

Peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan pengoperasian HARMONICO sejak penubuhannya pada tahun 2021 adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Peruntukan (RM)</b>
2021	350,576.00
2022	1,218,284.00
2023	1,266,859.00
2024	1,230,363.00
2025 (sehingga Oktober)	776,250.00

Peruntukan tersebut turut merangkumi kos penyelenggaraan bangunan Pusat Harmoni.

Sehingga Oktober 2025, jumlah anggota staf HARMONICO adalah seramai tujuh (7) orang. Pada masa ini, tiada perancangan untuk pembangunan fizikal baharu pada bangunan Pusat Harmoni. Walau bagaimanapun, perancangan pembangunan HARMONICO adalah tertumpu kepada usaha mewujudkan masyarakat yang inklusif dan harmoni selaras dengan visi Penang2030 yang menekankan kesejahteraan sosial, perpaduan komuniti serta keharmonian antara kaum dan agama.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXIII)27**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH  
YB LIM GUAN ENG**

27. Nyatakan mengapa bonus 6 bulan tidak diberikan kepada anggota pekerja Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) seperti yang diberikan kepada PDC bila hasil peratusan pulangan adalah lebih tinggi dan berjaya memenangi beberapa hadiah antarabangsa yang mengharumkan nama Bukit Bendera dan Pulau Pinang.

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

27. Penentuan pemberian bonus atau insentif kepada anggota pekerja sesebuah agensi di bawah Kerajaan Negeri tertakluk kepada dasar dan kelulusan Lembaga Pengarah serta kemampuan kewangan agensi berkenaan.

Bagi Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP), pemberian insentif prestasi dilaksanakan secara berstruktur dan berpandukan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) tahunan berdasarkan prinsip *Balanced Scorecard (BSC)* yang mengambil kira empat komponen utama, iaitu keputusan kewangan yang cemerlang dan sumbangan kepada Kerajaan Negeri, kecemerlangan operasi dan pelaksanaan projek strategik, peningkatan pengalaman pengunjung dan kepuasan pelanggan dan pembangunan modal insan.

Setiap tahun, Pengurus Besar PBBPP akan menetapkan sasaran KPI Kumpulan berasaskan empat komponen ini, dengan kelulusan Lembaga PBBPP. Pihak pengurusan turut menetapkan sasaran bagi KPI setiap bahagian, dan penilaian prestasi akan dibuat selepas tamat tempoh operasi tahunan

bagi menilai pencapaian masing-masing. Kaedah pengiraan insentif prestasi yang diperkenalkan oleh PBBPP adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Walaupun PBBPP mencatatkan prestasi kewangan yang positif serta menerima pengiktirafan di peringkat antarabangsa, jumlah insentif yang diberikan perlu mengambil kira keupayaan kewangan semasa, obligasi operasi tahunan, serta komitmen jangka panjang PBBPP termasuk peruntukan kepada Akaun Amanah Projek Naiktaraf Sistem Funikular yang dijadualkan pada tahun 2035 dengan anggaran kos melebihi RM60 juta.

Sebagai perbandingan, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) mempunyai struktur pendapatan dan tanggungan kewangan yang berbeza serta dasar ganjaran yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah mereka sendiri. Oleh itu, kadar atau bentuk bonus yang diberikan tidak boleh disamakan antara agensi.

Namun demikian, pihak pengurusan PBBPP sentiasa berusaha memastikan pengiktirafan prestasi dan sumbangan anggota pekerja terus diberi perhatian melalui skim insentif tahunan dan ganjaran bukan kewangan, bagi mengekalkan motivasi serta kecemerlangan perkhidmatan organisasi.

Selain insentif bentuk kewangan, PBBPP turut memberi penekanan kepada insentif bukan kewangan melalui program latihan, pembangunan modal insan, peningkatan kompetensi dan pengiktirafan prestasi kerja. Pendekatan ini penting bagi memastikan tenaga kerja PBBPP kekal berkemahiran tinggi, bermotivasi dan berdaya saing dalam menyokong kecemerlangan organisasi secara menyeluruh.

Berikutannya, pihak pengurusan PBBPP terus komited melaksanakan pelbagai bentuk ganjaran dan pembangunan ke arah meningkatkan semangat kerja, prestasi kerja serta kesejahteraan kakitangan bagi memastikan kejayaan berterusan organisasi.

Peluang latihan yang diberikan kepada semua warga kerja PBBPP bertujuan memastikan setiap kakitangan memiliki nilai tambah dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap, sekali gus memperkukuh pembangunan modal insan yang berdaya

saing, berintegriti serta seiring dengan keperluan semasa organisasi.

Selain itu, Pengurus Besar PBBPP yang memperkenalkan skim insentif ini pada tahun 2018 turut memainkan peranan penting dalam memastikan insentif prestasi disasarkan secara langsung kepada kakitangan PBBPP. Beliau telah menetapkan bahawa namanya dikecualikan daripada senarai penerima insentif prestasi sebagai tanda keutamaan dan penghargaan kepada kakitangan lain yang menyumbang secara langsung terhadap kejayaan organisasi.

**Kaedah Pengiraan Insentif Prestasi**

$$\text{Insentif Prestasi} = \frac{\text{Skor KPI}^1}{100} (\text{Kumpulan} \times \text{Bahagian}) \times \text{Kadar Insentif}^2 \times \text{Gaji Pokok}^3$$

100

Skor LNPT

Nota

- 1 : Skor KPI Kumpulan dan Bahagian dalam peratusan (%)
- 2 : Kadar insentif berdasarkan skor penilaian prestasi individu (LNPT) seperti jadual berikut:

<b>SKOR PENILAIAN PRESTASI INDIVIDU (LNPT) (%)</b>	<b>KADAR INSENTIF</b>
<b>Lebih Daripada 95</b>	<b>2.0</b>
<b>&gt; 90 – 95</b>	<b>1.5</b>
<b>&gt; 85 – 90</b>	<b>1.25</b>
<b>80 – 85</b>	<b>0.75</b>
<b>Kurang Daripada 80</b>	<b>0</b>

- 3 : Gaji Pokok kakitangan pada tahun penilaian

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXIII)28**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH  
YB LIM GUAN ENG**

28. Nyatakan apakah rancangan untuk membangunkan Restoran Nelayan Terapong Ujong Batu agar menjadi medan pelancongan nelayan Melayu dalam kawasan Parlimen Bagan serta kos terbabit.

**YB WONG HON WAI**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Restoran Nelayan Terapung, Persatuan Nelayan Kawasan Ujong Batu dibangunkan sekitar tahun 2004 susulan kerugian daripada projek ternakan kerang pada tahun tersebut sebagai sumber ekonomi alternatif kepada ahli-ahli persatuan.

Bermula dari tahun 2004 sehingga kini, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM1,379,000.00 kepada Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Ujong Batu untuk tujuan pembangunan restoran itu sendiri.

PNK juga telah menerima peruntukan daripada Kementerian Pertanian & Keterjaminan Makanan (KPKM) berjumlah RM100,000.00 pada tahun 2008 dan RM10,000.00 daripada Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) pada tahun 2018 untuk tujuan pembangunan restoran.

Pada tahun 2023 sebanyak RM20,000.00 telah disalurkan kepada Kumpulan Wanita Nelayan (KUNITA) Sinar Wawasan yang bernaung di bawah Persatuan Nelayan Kawasan Ujong

Batu bagi penghasilan produk-produk sampingan (jeli/dadih, kek, keropok keping, kerepek) di Restoran Terapung tersebut.

Pada tahun 2024, melalui inisiatif pihak LKIM, Restoran Nelayan Terapung Persatuan Nelayan Kawasan Ujong Batu ini telah diletakkan di bawah Program 1 Persatuan Nelayan 1 Produk (1P1P) di bawah kluster Agropelancongan. Melalui inisiatif ini, pihak LKIM telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM90,000.00 kepada pihak Persatuan Nelayan Kawasan Ujong Batu bagi menaiktaraf peralatan restoran, kelengkapan dewan tertutup dan pendawaian semula elektrik.

Bagi tahun 2025-2026, pihak LKIM Negeri Pulau Pinang dalam proses memohon peruntukan berjumlah RM100,000.00 bagi menaiktaraf balai nelayan sedia ada daripada struktur kayu kepada struktur balai nelayan konkrit yang lebih selamat kepada pengguna serta mencantikkan kawasan persekitaran restoran.

Pihak PNK juga mempunyai perancangan masa hadapan untuk menaiktaraf kawasan sekitar restoran seperti menambahbaik kawasan parkir kenderaan, menambah landskap yang menarik, dan menaiktaraf lantai kayu sedia ada ke lantai jenis mozek dengan anggaran kos berjumlah RM500,000.00.

Selain itu, Pihak Berkuasa Negeri juga telah meluluskan Lesen Pendudukan Sementara kepada Persatuan Nelayan Kawasan Ujong Batu bagi membolehkan restoran tersebut beroperasi secara sah di atas tapak tersebut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXIII)29**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH  
YB LIM GUAN ENG**

29. Nyatakan butiran terperinci tentang rancangan membangunkan industri tuna dalam kawasan Parlimen Bagan, kos terlibat dan sejauh manakah ia akan memanfaatkan nelayan, industri perikanan dan penduduk setempat?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. Perancangan pembangunan industri tuna di Negeri Pulau Pinang masih di peringkat kajian dan sedang diperhalusi oleh Kerajaan Negeri.

Komponen yang dicadangkan oleh Jabatan Perikanan (DOF) Negeri Pulau Pinang bagi pembangunan industri tuna di negeri ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Pembangunan Hub Tuna

Cadangan membina kemudahan logistik seperti pusat pemprosesan tuna moden, sistem rantai sejuk (*cold chain*) untuk mengekalkan kualiti ikan, kemudahan eksport terus ke pasaran antarabangsa dan menaik taraf pelabuhan sedia ada kepada pelabuhan tuna mengikut standard The Indian Ocean Tuna Commission (IOTC) dan European Union (EU);

(b) Peningkatan Pendaratan Tuna

Pelabuhan tuna yang lengkap ini akan menjangkakan peningkatan pendaratan ikan tuna sehingga 30% ke 50% dalam tempoh lima (5) tahun selepas operasi; dan

(c) Impak Ekonomi kepada Nelayan dan Pengusaha Tempatan

Peningkatan pendapatan kerana harga pasaran tuna yang dieksport adalah lebih tinggi berbanding harga pasaran tempatan serta mewujudkan peluang pekerjaan dalam sektor pengurusan logistik pengeksporan. Selain itu, industri sokongan seperti pembaikan kapal, bekalan minyak dan bahan mentah krew kapal serta lain-lain perkhidmatan marin akan turut berkembang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXIII)30**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH  
YB LIM GUAN ENG**

30. Nyatakan bilangan syarikat yang akan terkesan dengan tarif timbal balas Amerika Syarikat sebanyak 19% dan 300% ke atas cip semikonduktor ke atas ekonomi Pulau Pinang, impak kos dan kerugian serta apakah jenis bantuan kewangan yang boleh diberikan?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

30. Buat masa ini, Malaysia, termasuk Negeri Pulau Pinang telah dikenakan kadar tarif timbal balas sebanyak 19% oleh Amerika Syarikat. Sementara itu, kadar tarif 300% terhadap produk cip semikonduktor yang diumumkan oleh Presiden Amerika Syarikat belum dikuatkuasa secara rasmi sebagai dasar perdagangan Amerika Syarikat.

Oleh itu, langkah tersebut belum memberi kesan langsung terhadap eksport produk semikonduktor Malaysia pada masa ini. Namun yang demikian, pihak InvestPenang akan terus memantau perkembangan dasar perdagangan antarabangsa dengan teliti bagi menilai potensi risiko terhadap sektor perkilangan negeri, khususnya dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E) yang menjadi penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Pulau Pinang.

Pihak InvestPenang tidak mempunyai data khusus berhubung bilangan syarikat yang terkesan secara langsung oleh pelaksanaan tarif timbal balas tersebut. Walau bagaimanapun, perkembangan ini dipantau secara berterusan

bagi menilai potensi impaknya terhadap sektor perkilangan dan eksport negeri.

### **Komitmen Kerajaan Negeri**

Kerajaan Negeri Pulau Pinang kekal komited untuk menyokong ketahanan dan meningkatkan daya saing industri utama **negeri** melalui pelbagai inisiatif yang dilaksanakan di bawah InvestPenang. Antara langkah strategik yang sedang dan akan terus dilaksanakan adalah termasuk:

- (a) Peningkatan infrastruktur fizikal dan digital bagi menyokong keperluan industri berteknologi tinggi;
- (b) Penyelarasan proses pengawalseliaan dan pelesenan bagi mempercepatkan urusan pelaburan serta operasi perniagaan;
- (c) Pengurangan kos keseluruhan perniagaan, termasuk melalui penambahbaikan kecekapan utiliti dan logistik; dan
- (d) Pemeriksaan ekosistem rantaian bekalan tempatan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap sumber luar.

Langkah-langkah ini merupakan komponen penting dalam usaha mengekalkan peranan strategik Pulau Pinang sebagai hab utama dalam rantaian bekalan global, serta memastikan kemampuan ekonomi jangka panjang negeri yang memberi manfaat kepada masyarakat secara menyeluruh.